

Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY

BIL 02-2005 • ISSN 0127-6700




- **Anjakan Paradigma :
Ke Arah ATM Abad Ke-21**
- **Teknologi Sebagai Enabler
Meningkatkan Keupayaan TLDM**
- **Laman Web TLDM
Berwajah Baru**

ISSN 0127-6700



Surpassing threats now and in the future



Bofors 40 and 57 Mk3 naval guns together with the technologically unparalleled 3P ammunition ensure tactical freedom on all levels of conflict.

www.boforsdefence.com



BOFORS
DEFENCE

KANDUNGAN



Keterangan Kulit :

Suasana Pusat Informasi Peperangan Di Kapal

PERUTUSAN ULUNG PANGLIMA TENTERA LAUT	6
FOKUS : Teknologi Sebagai <i>Enabler</i> Meningkatkan Keupayaan TLDM.....	9
KUALITI : 'E-Learning' - Pendekatan Baru Dalam TLDM	12
PROFIL TENTERA LAUT ANTARABANGSA : Korvet Kelas Sigma Untuk TNI-AL	13
ANJAKAN PARADIGMA : Satu Anjakan Paradigma 'Ke Arah ATM Abad Ke-21'	14
ASET BARU : 'Puteri Mahsuri' Kapal Layar Latihan	16
PERBARISAN DIRAJA : Istiadat Perbarisan Diraja, Pegawai Dalam Latihan	18
NOSTALGIA : Nostalgia PULAREK Tersemat, KD SULTAN ISMAIL Terpahat	20
ILMU KELAUTAN : 5 Asas Pelayaran	22
MANAGEMENT & QUALITY : KD MALAYA 'Striving For Quality Services'..	24
AKTIVITI : Sambutan Hari TLDM Ke-71	26
MANAGEMENT : <i>Cost Benefit Analysis</i> Pegawai	28
SEL BARU : Pusat Kepimpinan, Lahirkan Anggota Berketerampilan	30
JOIN NAVY SEE THE WORLD : Lawatan Ke Surabaya	31
NAVY PEOPLE	32
BAKAT : Jemaah Tertinggi BAKAT (LAUT) Beralih Peneraju	34
KRITIS : Stamina Mental Satu Keperluan	34
PSYCHOLOGY & COUNSELING : <i>The Military Psychology</i>	36
ARMADA : Skuodron Frigate Ke-23 Flotilla Penyerang Terhebat	38
ISU MARITIM : Peperangan Anti-Kapal Selam	40
TEKNOLOGI MAKLUMAT : Laman Web TLDM Berwajah Baru	42
INFO SEMASA : <i>Armada Square</i>	44
INFO SEMASA : Skim Perkhidmatan Baru Pegawai Angkatan Tetap & Askar Laskar Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia	45
PERSONALITI : Tokoh Maal Hijrah ATM Tahun 2005	46
SENI : Nostalgia Kereta Kotak, Dorong Yahaya Serlah Bakat	48
NAVAL TERM : <i>Ensign...Fouled Anchor...Holystone</i>	50
SIHAT : Denggi...Pembunuh	52
GALLEY SAMUDERA : 'Fruit Canning' Dekorasikan Sentuhan Ala Thai ...	54
BERITA BERGAMBAR	56
TINTA ROHANI : Kita Pemilik Sementara, Dia Pemilik Abadi	60
SAJAK	63





Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera..

Pembaca yang dihormati,

Perubahan pucuk kepimpinan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kini, buat julung kalinya telah diberi kepada perkhidmatan selain Tentera Darat dan ini telah mencatat satu sejarah negara. **SAMUDERA** mengucapkan syabas dan tahniah kepada **YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Nor** yang telah mengambil alih pucuk pimpinan ATM. Sememangnya perkara ini adalah di luar jangkaan, apatah lagi dengan persepsi bahawa sistem struktur organisasi ATM dianggap masih konservatif. Walaubagaimanapun, perkembangan ini melambangkan kematangan sistem serta pucuk pimpinan tertinggi negara yang menerima hakikat bahawa ATM kini menjadi semakin *joint*, dan keputusan yang dibuat sewajarnya akan membawa kepada perubahan yang positif.

Kita perlu sedar bahawa perubahan bukan mudah untuk diterima tetapi Alhamdulillah, ia telah disambut baik oleh masyarakat umum termasuk pegawai dan anggota ketiga-tiga perkhidmatan termasuk awam. Apa yang lebih penting adalah *outcome* atau hasil yang dihasratkan. Semoga perkembangan baru ini akan menghasilkan anjakan paradigma, terutama dari aspek memperkemaskini serta memperkasakan arah tuju yang lebih fokus untuk ATM. Cabaran bagi kita semua sebagai warga ATM amnya dan TLDM khasnya adalah dari aspek *managing changes* atau menangani perubahan yang memerlukan komitmen kita semua. Semoga pendekatan secara berperingkat dan kolektif dengan mengambilkira kepentingan semua pihak akan melicinkan pelaksanaannya kelak.

Di samping itu, **SAMUDERA** juga mengucapkan syabas dan tahniah kepada Panglima Tentera Laut yang baru, **YBhg Laksamana Datuk Ilyas bin Hj Din** yang tidak asing lagi di kalangan *Quality Circle* di dalam negara kita. Ciri kepimpinan beliau yang telus, fokus, *forthright*, realistik dan sentiasa berpandukan kepada hasil yang berkualiti sewajarnya akan memanfaatkan bukan sahaja TLDM bahkan ATM. Kini, TLDM telah berjaya mewujudkan satu *brand image* yang membanggakan iaitu *Quality and the Navy People*. Dalam maksud lain, *kualiti dan warga TLDM* kini merupakan jenama bagi TLDM.

Keluaran kali ini juga memaparkan aspek teknologi yang sedang diterapkan dalam TLDM. Kesedaran bahawa jurang teknologi atau *technological gap* serta *knowledge divide* yang boleh menjadi halangan kepada pembangunan, TLDM kini, telah melaksanakan beberapa strategi serta inisiatif sejak beberapa tahun kebelakangan. Sebagai sebuah *learning organization*, TLDM telah berjaya memupuk budaya pembelajaran yang positif melalui ICT.

Teknologi bukan sahaja terhad kepada perolehan dan kaedah penggunaan peralatan yang canggih dan berteknologi tinggi bahkan ia sebenarnya adalah lebih dari itu. Pendekatan yang diambil oleh TLDM adalah lebih menyeluruh. Selain dari usaha memperolehi teknologi tersebut, perkara yang lebih penting bagi TLDM ialah mengaplikasikan teknologi tersebut ke arah meningkatkan keupayaan, prestasi, keberkesanan serta efisiensinya.

Para pembaca sekalian,

TLDM-Net kini merupakan satu pelaburan yang mendatangkan pulangan berlipat ganda kepada kerajaan. Budaya IT kini jelas kita lihat di kalangan pegawai TLDM bukan sahaja bagi pegawai muda bahkan pegawai kanan seperti penggunaan *PDA* dan komputer *notebook* yang semakin meningkat. Budaya ini akan terus mengembang dan tidak hairanlah jika pegawai TLDM kelak akan lebih *mobile* dan sentiasa boleh berhubung dengan pejabat yang akan berteraskan konsep *connectivity*.

Navy People dalam keluaran **SAMUDERA** kali ini memaparkan imej warga TLDM dengan kerjayanya yang menarik, mencabar dan *exciting*, sesuai untuk dijadikan profesion pilihan belia masa kini. Gambaran yang ingin ditonjolkan ialah - TLDM bukan sahaja merupakan dari satu kerjaya, bahkan ia adalah satu cara hidup yang kaya dengan nilai murni, budaya serta tradisinya yang unik, dalam lain perkataan *Navy is more than a career, it is a way of life!*

Selamat membaca dan salam hormat.

Samudera

SIDANG REDAKSI

PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Datuk Ramlan Mohamed Ali

KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Ahmad Kamarulzaman bin ,
Hj Ahmad Badaruddin

EDITOR

Kdr Mohd Reza bin Mohd Sany TLDM
Lt Rabayah bt Rahmat TLDM
Lt Rosdi bin Mohamad TLDM

WARTAWAN

BK PBS (I) Sabarudin bin Abas
LK KNA Iswardi bin Rashidi
LK1 KNA Che Alang Che Latif

WAKIL LUMUT

Lt Karimah bt Alwi TLDM
Lt Masliza bt Maaris TLDM
LK RGR Normahaily bt Mohd Nor

WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhamad Khairil Akmal bin Othman TLDM

WAKIL MAWILLA 2

Lt Che Hanifa Suriani bt Che Jaafar TLDM

WAKIL PULAREK

Lt Idawaty bt Mohamed PSSTLDM

GAMBAR EHSAN

PR KEMENTAH
PR Markas Tentera Laut
PR Markas Armada
Warisan Advertising

REKABENTUK

Noor Musyahidah Mohd Zawawi
No. 25-2, Wisma Mohan,
Jelatek Business Park, Jalan Jelatek,
54200 KUALA LUMPUR
Tel : 03 - 4252 7279
Faks : 03 - 4252 7281

Samudera diterbitkan sebanyak empat kali oleh Markas Tentera Laut Diraja Malaysia dan diedarkan secara percuma. **Samudera** mengalu-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada secara pos atau E-mel kepada :

Pengarang Samudera,
Markas Tentera Laut,
Kementerian Pertahanan,
Jalan Padang Tembak,
50634 KUALA LUMPUR.
Tel : 03 - 2071 3165 / 3218
Faks : 03 - 2692 2104

E-mel : editorsamudera@yahoo.com
<http://navy.mod.gov.my>

BIJAK MEMBELI

**Kunjungi
kedai PERNAMA
dan bandingkan sendiri.**



PERNAMA JIMAT



PERUNCIT NASIONAL



PERUNCIT TEMPATAN

BARANGAN

SUSU TEPUNG SEGERA
NESPRAY PEK REFILL 700GM

NESCAFE ARABICA BEANS
PEK REFILL 100GM

DUMEX 1 PLUS HONEY 700GM

DUMEX 3 PLUS HONEY 700GM

DUMEX 1 PLUS COKLAT 700GM

DUMEX 3 PLUS COKLAT 700GM

AIR MINERAL AQUARIUS 1.5LTR

KORDIAL F&N ANEKA PERISA 1LTR

MINUMAN F&N ANEKA
PERISA 1.5LTR

SABUN BUKU EKONOMI
HANDALAN 150GM

PEMBERSIH MUKA
SAFI BALQIS 50GM

PEKATAN PENCUCI PINGGAN
MANGKUK AXION 400GM

CECAIR PENCUCI DYNAMO
1LTR

UBAT GIGI COLGATE
ANEKA PERISA 100GM

JUMLAH

**PERNAMA
JIMAT**
(RM)

11.00

5.95

13.30

13.30

13.70

13.70

1.00

3.85

2.75

0.50

4.90

2.80

5.90

3.00

95.65

PERUNCIT
NASIONAL
(RM)

11.89

6.29

13.95

14.10

14.80

14.80

1.50

4.55

2.95

0.60

5.20

3.00

6.25

3.15

103.03

PERUNCIT
TEMPATAN
(RM)

12.50

6.50

13.90

13.90

14.50

14.50

1.80

4.20

3.10

0.69

5.10

3.50

6.50

3.50

104.19

Kunjungi Rangkaian Kedai dan Pasaraya

PERNAMA JIMAT

Di Dalam Kem Angkatan Tentera Malaysia Seluruh Negara



PERNAMA
PERWIRA NIAGA MALAYSIA

Sekolah bersama anda

Perutusan Ulung Panglima Tentera Laut

(Laksamana Datuk Ilyas bin Hj Din)



Ketibaan Panglima Tentera Laut di padang kawad Pangkalan TLDM Lumut, Perak.

"...kita harus bersedia menghadapi sebarang cabaran yang timbul. Cabaran seperti kita sedia maklum, datangnya dari luar dan dalam."

Segala sembah dan puji bagi Allah subhanu wataala, tuhan sekalian alam serta selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w.

Saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama pada pagi yang mulia ini. Berdirinya saya di sini sebagai seorang Panglima Tentera Laut ialah di atas ketentuan Allah yang Maha Esa. Walaubagaimana pun, tanpa berkat usaha tidak mungkin la akan merestuinnya. Sehubungan itu, di sini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan negara yang telah memberi kepercayaan

kepada saya, YAB Timbalan Perdana Menteri dan Majlis Angkatan Tentera yang telah menyokong pencalonan saya dan menjunjung kasih kepada DYMM SPB YDP Agong yang telah memperkenankan pelantikan tersebut. Tetapi yang paling penting sekali ialah terima kasih yang tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian, atas usaha serta berkat sokongan padu selama ini. Saya menganggap kejayaan saya ini adalah kejayaan kita bersama.

Tempoh awasan pemerintahan saya tidak lama, jika dizinkan Tuhan lebih kurang 2 tahun. Tetapi saya berpendapat tempoh itu tidak penting, yang penting ialah usaha yang digembelngkan dalam sesuatu tempoh bagi menentukan kejayaan.

Dalam usaha menuju kejayaan ini, kita harus bersedia menghadapi sebarang cabaran yang timbul. Cabaran seperti kita sedia maklum, datangnya dari luar dan dalam. Tetapi pada hari ini keutamaan ialah pada cabaran yang datangnya dari dalam organisasi kita sendiri, cabaran yang boleh kita atasi dengan daya dan kehendak kita sendiri, tanpa melibatkan kuasa luar.





Cabaran pertama yang saya lihat semasa awasan pemerintahan saya ini ialah *core business* atau pun tugas teras kita iaitu *warfighting*. Bagi tujuan tersebut, amat penting bagi kita untuk menentukan keupayaan *warfighting* atau pun daya tempur sentiasa berada pada tahap tertinggi.

Cabaran kedua ialah penambahan aset baru yang serba canggih dalam TLDM. Ia menjadi cabaran kerana memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang baru untuk mengendalikannya dengan berkesan.

Cabaran seterusnya ialah mengendali dan mengurus aset usang dalam TLDM. Seperti kita sedia maklum, ada di antara peralatan tempur kita telah mencapai ke tahap usang, seperti Skuadron Korvet ke-22 yang telah

berusia lebih 20 tahun. Usang tidak bermakna ia tidak berguna tetapi ia memerlukan pemerhatian dan penjagaan yang sedikit berbeza dan rapi.

Cabaran berikutnya yang saya lihat ialah pengurusan inventori dan kewangan yang berkesan. Pengurusan inventori dan kewangan yang berkesan memerlukan pendekatan seperti *zero defect* atau pun kerosakan sifar. Ia bertujuan mengelak pembaziran dan membuat ulang kerja atau pun *rework*.

Cabaran terakhir bagi TLDM ialah ledakan teknologi. Ledakan teknologi menjadi cabaran kepada kita kerana teknologi dewasa ini

begitu dinamik, perubahan dan peningkatan berlaku dengan begitu pantas, yang kadang kala tidak mampu diikuti oleh kemahiran kita yang sedia ada.

Bagi mendokong cabaran yang telah saya runtkakan tadi, kita perlu menggubal strategi yang berkesan. Oleh itu saya telah menggariskan 6 tonggak bagi menghadapi cabaran yang dijangkakan sepanjang awasan pemerintahan saya ini.

Tonggak pertama ialah mewujudkan warga TLDM yang berkualiti atau pun *Quality Navy People*. Bagi membentuk warga yang berkualiti, beberapa sifat jati diri perlu dibentuk terlebih dahulu. *Quality Navy People* yang saya maksudkan merangkumi aspek mental,

fizikal, emosional dan *spiritual* atau pun kerohanian. Kekuatan mental penting kerana ia menyokong proses tum-besaran dan pembelajaran. Sifat fizikal dalam erti kata sebenar ialah tubuh badan kita sendiri. Tubuh badan yang sihat memastikan kerangka atau rumah yang baik kepada sifat yang lain. Emosional ialah gerak hati dan pertimbangan kita. Ia mengawal perasaan dan pertimbangan kita. Sifat terakhir yang amat penting bagi saya ialah kerohanian. Kerohanian membentuk pegangan atau prinsip hidup kita. Kerohanian bertindak sebagai kemudi kepada sifat yang lain.

Tonggak kedua ialah memperkasakan kesiagaan armada TLDM. Ia termasuk memberi apa jua bantuan dalam menentukan kesiagaan armada. Menjadi tanggungjawab kita bersama bagi menentukan kesiagaan armada berada pada tahap tertinggi. Setiap kerja yang kita lakukan harus menjurus ke arah tersebut kerana tanpa armada tiadalah kita. *We exist because of the fleet*.

Tonggak ketiga ialah *effective leadership* atau pun kepimpinan berkesan. Kepimpinan berkesan tidak tertumpu kepada pihak atasan sahaja malahan ia seharusnya menyeluruh, melibatkan semua peringkat anggota di dalam organisasi. Kepimpinan amat penting kerana kita bekerja bersama insan melalui insan. Bekerja bersama insan melalui insan boleh dan perlu menjana proses pemikiran di luar kotak dan dalam masa yang sama berupaya membawa kita kembali ke dalam kotak. Keadaan tersebut amat penting kerana pengalaman di luar kotak memberi kita peluang mempelajari pendekatan kerja yang berbeza dan apabila kita kembali semula ke dalam kotak, ia membuat kita berpijak di bumi yang nyata. Keadaan tersebut juga mengingatkan kita kepada *fundamentals* atau pun asas kerja. Kegagalan menghayati asas kerja boleh mengundang kecelakaan. Kegagalan mengambil *fixing* membawa kepada kekandasan, kegagalan membuat rutin senggaraan membawa kepada kerosakan jentera, kegagalan mematuhi peralatan memasak mengundang kebakaran. Itu adalah contoh akibatnya jika kita mengabaikan asas kerja. Tetapi yang menyedihkan ialah ia mengakibatkan kerugian. Bukan sahaja harta benda dan wang ringgit tetapi kehilangan peluang menjalankan operasi dan

latihan yang secara langsung menyumbang kepada tahap kesiagaan armada.

Tonggak yang seterusnya ialah *established work processes* atau pun proses kerja yang mampan. Proses kerja yang mampan memastikan apa yang kita lakukan itu betul pada kali pertama ia dilakukan. Ia memastikan proses kerja kita telus, tidak korup. Ia memastikan kita fokus, tidak leka serta lambil lewa. Ia juga memastikan rutin senggaraan serta kalibrasi peralatan dipatuhi. Bagi mendokong proses kerja yang mampan, kita telah memperkenalkan sistem piawaian seperti ISO, TQM dan BSC. Sistem piawaian ini bertujuan memberi jaminan kepada pelanggan bahawa produk kita mengikut standard serta telah melalui proses kerja yang terbaik dan berkualiti.

Tonggak kelima ialah *effective communication* atau pun komunikasi berkesan. Komunikasi berkesan bermaksud komunikasi dari semua arah, dari atas ke bawah, bawah ke atas dan juga melintang atau mendatar. Komunikasi berkesan juga bermaksud komunikasi yang difahami oleh semua peringkat anggota tanpa mengira latar belakang pendidikan atau asal-usul kelahiran mereka. Komunikasi berkesan juga bermaksud kerap berhubung di antara satu sama lain. Di sini saya juga menyeru semua peringkat warga TLDM untuk memperkasakan sistem pegawai bahagian. Ia adalah permulaan yang terbaik bagi mempraktikkan komunikasi berkesan. Saya juga ingin memperkenalkan pendekatan baru dalam komunikasi berkesan yang saya namakan *Anjakan Navy*. *Anjakan Navy* bermaksud, "Saya serta pengurusan tertinggi mengalukan sebarang pandangan atau pendapat dari semua peringkat anggota melalui saluran rasmi". Insya-Allah, kami akan memberi maklum balas kepada persolan serta cadangan tuan-tuan dan puan-puan secepat mungkin.

Satu lagi cabang komunikasi berkesan ialah apa yang saya panggil jenama *Navy*. Jenama *Navy* ini berkait rapat dengan maruah organisasi kita. Saya berkata demikian kerana sebagai anggota berpakaian seragam, ke mana sahaja kita pergi, apa tindak-tanduk kita, sentiasa diperhatikan masyarakat setempat. Oleh itu, jika ada di antara kita yang berperangai tidak senonoh seperti berkhawat, mengambil dadah, mencuri dan

sebagainya, secara langsung akan mencemar organisasi yang mulia ini. Saya tidak akan berkompromi dengan pencemaran ini, tindakan tegas akan diambil terhadap petualang.

Tonggak yang terakhir ialah struktur organisasi yang relevan. Kita harus sentiasa memastikan struktur organisasi mengikuti perkembangan zaman dan berupaya memenuhi amanat yang ditetapkan oleh kerajaan serta pemegang saham terbesar kita iaitu rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam usaha tersebut kita harus rasional dalam membuat permintaan dan penambahan jawatan. Organisasi yang besar tidak bermakna ianya efisien, apa yang lebih penting ialah tenaga kerja yang terlatih serta berkualiti yang berupaya menghasilkan produk berkualiti – tepat pada masa dan berguna.

Akhir kata, saya ingin mengingatkan setiap lapisan warga TLDM bahawa kita perlu sentiasa kekal relevan

kepada organisasi dan sentiasa menyokong dasar dan usaha kerajaan.

Pelayaran kita di awasan ini telah bermula, sokongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan amat diperlukan bagi menentukan pelayaran ini selamat dan sampai ke destinasi yang ditujui. Kita akan berdepan dengan cabaran, tetapi dengan kemahiran, pengetahuan, ketekunan, pengalaman dan disaluti pula dengan kesabaran serta ketelusan sebagai satu awasan. Insya-Allah niat kita akan dimakbulkan, saya sentiasa berdoa agar kita semua diberi hidayat dan kekuatan untuk menjayakannya. Rakan sekalian, di dalam kerja kita tidak ada kerja semula (*rework*) kerana ianya mengakibatkan kehilangan nyawa dan tergadainya maruah bangsa dan agama, juga mencemar kedaulatan negara yang kita cintai.

"I have the ship!"

(Ungkapan bermaksud 'kapal' kini dalam kawalan saya) **S**



Panglima Tentera Laut memeriksa dan memberi tabik hormat kepada platoon kawalan panji-panji

TEKNOLOGI

Sebagai *Enabler*

Meningkatkan Keupayaan

TLDM

Oleh : Lt Kdr Mohammed Reza bin Mohammed Kalam Azad TLDM

Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL

Teknologi dalam TLDM sering dikaitkan dengan kecanggihan kapal, helikopter dan persenjataan yang berupaya memusnahkan musuh pada jarak berpuluh-puluh kilometer dengan tepat. Pada hakikatnya, penggunaan teknologi dalam TLDM tidak terhad kepada aset perang sahaja, tetapi juga dalam pelbagai aspek lain seperti pengurusan, latihan dan pelaksanaan kerja harian untuk meningkatkan hasil kerja atau produktiviti. Artikel ini akan menyingkap secara ringkas kemajuan penggunaan teknologi sebagai enabler dalam meningkatkan keupayaan TLDM secara menyeluruh.

TEKNOLOGI DALAM PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA TLDM

Aplikasi teknologi IT dan penyelaku untuk pembangunan sumber manusia semakin mendapat



Penyelaku DCFF TLDM - Simulator dinamik yang menyamai situasi banjir di kapal.



Bridge Simulator di KD PELANDOK - Penyelaku anjungan memberi ruang agar pelatih tidak gentar membuat kesilapan sambil mendapat pengalaman yang maksimum

perhatian. Kaedah pembelajaran dan latihan menggunakan teknologi grafik, interaksi animasi, audio visual dan simulasi dapat menyampaikan objektif latihan secara lebih menarik dan berkesan. Ia juga memberikan kelebihan dari segi penjimatan kos pengoperasian dan pengurangan risiko kerana penggantungan kepada aset operasi TLDM seperti kapal sebagai pelantar latihan dapat dikurangkan. Peralatan latihan TLDM seperti Penyelaku Anjungan, Penyelaku Taktikal di PUSTAKMAR dan Penyelaku DCFF dapat memberikan kesan praktikal yang sama seperti keadaan sebenar. Oleh itu pelatih



dapat mempraktikkan perkara yang mereka pelajari secara teori dan tidak takut membuat kesilapan sekaligus meningkatkan keyakinan dan pengalaman. *E-Learning* pula



Pusat Informasi Tempur KD LEKIU - Pengendali sistem berteknologi tinggi memulakan eksekusi secara moden

merupakan satu konsep pembelajaran yang boleh digunakan oleh semua anggota pada bila-bila masa tanpa memerlukan tenaga pengajar berada di dalam kelas sepanjang masa. Ia adalah program pembelajaran sendiri yang menggunakan perisian komputer dan sangat mudah mudah serta fleksibel untuk digunakan. Ini boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang terbuka dan membantu anggota TLDM meningkatkan pengetahuan mereka dalam pelbagai bidang. *Computer Based Training (CBT)* yang dilaksanakan di KD PELANDOK dan Kolej Tentera Laut Diraja adalah sebahagian daripada konsep *E-learning*. Kaedah pengajaran ini dapat menarik minat generasi muda dan mampu membantu pelatih memahami

subjek pembelajaran dengan lebih baik. Suasana pembelajaran juga lebih bersifat interaktif dan dapat mengelakkan rasa bosan.

TEKNOLOGI DALAM PROSES KERJA


Kemajuan ICT telah meningkatkan keupayaan pengkomputeran pejabat bagi mencapai konsep *to do more with less* (peningkatan produktiviti dengan sumber yang dikurangkan). Teknologi intranet seperti TLDMNet meningkatkan ruang komunikasi dan perhubungan antara unit TLDM serta warganya di semua peringkat. Ini terbukti dapat meningkatkan efisiensi pengurusan dan pentadbiran. Sebagai contoh, penghantaran dokumen kini dapat dibuat dalam beberapa saat sahaja melalui penggunaan e-mel. Ekoran kejayaan ini, rancangan perolehan sistem baru

seperti sistem pengukuran prestasi *Balance Scorecard* dan sistem pengurusan maklumat *Decision Support System* sedang dilaksanakan. Ia akan melengkapkan semua sistem pengurusan dalam TLDM secara pengkomputeran yang bersepadu dalam *Integrated Logistic Support Management System* yang juga akan dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi TLDM sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi dan berkualiti.

MENINGKATKAN KEUPAYAAN OPERASI

Dalam meningkatkan keupayaan tempur TLDM, teknologi memainkan peranan yang sangat penting. Sebagai contoh sistem pengurusan tempur dan persenjataan terkini seperti COSYS M dan NAUTIS, sistem peperangan elektronik MENTOR dan DR3000 serta persenjataan seperti misil anti kapal EXOCET Block 2, misil anti pesawat ASPIDE dan SEAWOLF, torpedo AS244 merupakan beberapa peralatan peperangan berteknologi terkini yang kini dalam inventori TLDM. Penggunaan teknologi tinggi bertujuan mendominasi operasi maritim. Pembelian kapal selam yang canggih memberikan keupayaan deteran dan meningkatkan imej TLDM sebagai angkatan yang kredibel.

Fungsi sokongan turut dipermodenkan dengan teknologi tinggi. Cawangan Hidrografi TLDM kini mampu menghasilkan carta elektronik. Cawangan Hidrografi juga mampu menyediakan maklumat meteorologi kepada semua agensi yang memerlukan dengan adanya Sistem Pemantau Alam Sekitar dan Cuaca yang moden. Dalam aspek pengurusan logistik TLDM, Depot Bekalan Armada kini dilengkapi dengan *Automatic Storage and Retrieval System (ASRS)*. Ia merupakan sistem pengurusan inventori berkomputer yang dapat melaksanakan urusan di stor secara bersistematik, pantas dan menjimatkan penggunaan tenaga kerja.



Sonar berfrekuensi tinggi mengesan perituk api di dasar laut seperti yang terdapat pada Skuadron Penangkis Perituk Api TLDM

APLIKASI TEKNOLOGI DI MASA HADAPAN

TLDM perlu berusaha meningkatkan produktiviti dan melengkapkan warganya dengan pengetahuan dan aplikasi teknologi secara berterusan. Setiap warga TLDM perlu mempunyai pengetahuan teknologi yang tinggi dan merasa selesa dan serasi untuk menggunakannya secara optimum. Sebagai contoh, di masa hadapan warga TLDM amat selesa bekerja dan berhubung menggunakan PDA, komputer bimbit lengkap dengan Wi Fi dan *push e-mail* serta dalam masa yang sama berpeluang mempelajari sistem ini pada bila-bila masa menggunakan kaedah *E-Learning*. TLDM di masa hadapan boleh mengadakan latihan olah perang atau latihan taktikal individu menggunakan perisian ala permainan komputer melalui intranet TLDM, internet atau secara *virtual reality*. Kaedah pengurusan masa hadapan akan bersifat *paperless* dan setiap urusan dapat dilaksanakan secara digital.

PENUTUP

Pelaburan dalam teknologi tinggi tidak akan merugikan. Teknologi terbukti dapat memberikan

pulangan yang tinggi melalui peningkatan produktiviti, penjimatan kos, masa dan tenaga. Penguasaan teknologi pengkomputeran, aplikasi perisian, dan telekomunikasi di masa hadapan akan menjadi asas kepada kekuatan sesebuah tentera laut. Kombinasi teknologi ini akan memberikan sinergi yang berganda dalam




Bilik Kawalan Jentera KD Jelutau - Aplikasi teknologi mengurangkan penggunaan tenaga kerja dalam mengawak jentera kapal.



Kaedah Sidang Video (video conference) meningkatkan perhubungan yang lebih berkesan di antara semua formasi TLDM.



Alat current meter digunakan oleh Cawangan Hidrografi TLDM untuk mengukur kelajuan arus.



Melindungi perairan negara memerlukan penggunaan sistem berteknologi tinggi.

meningkatkan keberkesanan dan kecekapan tenaga kerja, sistem persenjataan dan aset perang yang unggul, seterusnya mendominasi operasi maritim. 5

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sel Perhubungan Awam TLDM
Markas Teniere Laut

E-Learning

PENDEKATAN BARU DALAM TLDM

Oleh : LT Masliza Maaris TLDM
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MPL

E-Learning dari segi definisinya ialah "Kombinasi dan pengembangan dalam pengetahuan serta kemahiran melalui pembelajaran, yang disampaikan melalui peranti atau saluran elektronik". Pendekatan elektronik yang berkonsepkan 'mesra pengguna' (*user friendly*) ini juga melibatkan penggunaan *virtual* yang boleh disambungkan kepada kemudahan 'online' Internet dan Intranet.

Pakej pembelajaran ini lebih menarik kerana ia bukan sahaja melibatkan penggunaan interaksi animasi, grafik, dan 'audio-visual-aids', malah penggunaan yang menekankan konsep 'self-study' yang boleh disesuaikan dengan kehendak pelatih berdasarkan masa, lokasi dan kadar kemajuan sesuatu kandungan mata pelajaran.

Program *E-Learning* bermula sejak tahun lalu dan menelan belanja sejumlah 1.5 juta, diwujudkan atas inisiatif pelan rancangan melalui penubuhan Kolej Bestari (*Smart College*) bagi Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (Kolej Bestari yang dirangka akan

TLDM sedang menuju ke dimensi baru dalam sistem pembelajaran dan pendidikan dengan terlaksananya program e-Learning yang dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak.

mengaplikasikan sepenuhnya penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi).

Senario ini merupakan satu anjakan transformasi yang bergerak sehaluan dengan visi MPL TLDM iaitu sebagai sebuah pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan maritim di kalangan institusi yang serupa di Malaysia dan negara serantau.

Menurut Lt Kdr Syed Ahmad Hilmi Syed Abdullah TLDM yang merupakan Ketua Projek *E-Learning* TLDM, program ini merupakan penambahbaikan kepada sistem pendidikan sedia ada di mana ia mampu mengadunkan cara pembelajaran konvensional dengan pendekatan *E-Learning* yang bukan sahaja selamat malah boleh dipelajari bila-bila masa. Paradigma ini juga berupaya merubah konsep pengajaran *Pedagogy (Instructor Centred)* kepada konsep pengajaran *Andragogy (Trainee Centered)*.

Menurutnya lagi, kejayaan program ini melayakkan TLDM bergerak seiring dengan negara maju sebagai pelopor sistem pendidikan maritim moden di peringkat antarabangsa.

I-perintis telah bertindak sebagai *strategic partnership* bersama Tim *E-Learning* TLDM dalam merangka dan membina program tersebut. Sebagai konsultan yang dilantik, I-perintis telah menggunakan jaringan tenaga pakar dalam mewujudkan Sistem Pembelajaran Penghantaran (*Content Delivery System*) yang merupakan tunjang kepada program *E-Learning*. Jaringan tenaga pakar ini digerakkan sepenuhnya dalam keseluruhan aspek program tersebut.

Melalui *E-Learning*, jumlah masa teori pembelajaran dapat dipendekkan, justeru para pelatih dapat memberi tumpuan yang lebih kepada latihan praktikal (*hands on training*). Sebagai contoh, mata pelajaran Pengenalan Panduarah Persisiran Pantai (*Introduction to Coastal Navigation*) memperuntukkan 9 jam bagi teori pembelajaran. Melalui program *E-Learning*, masa dapat dipendekkan kepada 1 jam 15 minit. Manakala bagi mata pelajaran Pengenalan Ilmu Kelautan (*Introduction to Seamanship*) yang memerlukan masa selama 16 jam, ianya boleh dipendekkan kepada 1 jam 30 minit sahaja! Ini seterusnya membolehkan para pelatih meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka dalam mata pelajaran yang dipelajari.

Pakej pembelajaran baru ini juga mengupas pendekatan "*Blended Learning*" di mana kesinambungan pembelajaran berlaku dalam 5 elemen iaitu jurulatih, *E-Learning*, penyelaku anjungan, latihan praktikal dan perjawatan sebenar.

Menurut Panglima Pendidikan dan Latihan TLDM ketika itu, Kepten Mohd Ghazi bin Ismail TLDM, program *E-Learning* telah lama digunakan di negara-negara maju dan telah terbukti bahawa ianya merupakan sebuah pakej pembelajaran yang berjaya, berkesan, efektif dan efisien. Seajar dengan itu, sokongan dan komitmen dari semua pihak diperlukan bagi membolehkan TLDM menikmati kejayaan dan pencapaian yang sewajarnya dalam bidang pendidikan maritim. **S**



Kemahiran akan wujud dari latihan berterusan.



YAB Menteri Pertahanan memeriahkan Majlis Perasmian Program *E-Learning* di Markas Pendidikan dan Latihan.

KORVET KELAS SIGMA UNTUK TNI-AL

Oleh : Lt Kdr Hasfaedi Adra bin Kassim TLDM PS 2 Analisa Risik Laut MTL
Foto : Royal Schelde Web

Indonesia sebagai sebuah negara 'archipelago' sememangnya memerlukan sebuah angkatan laut yang kuat dan efisien demi untuk memelihara keamanan perairannya. Namun begitu, kapal-kapal yang dimiliki sekarang ini terutama kapal perang pembina (combatant) merupakan kapal-kapal yang sudah lanjut usianya. Sebagai contoh, Frigate kelas Van Speijk atau kelas Tribal serta kelas Claud Jones (Kelas KRI SAMADIKUN) yang rata-rata usianya sudah melampaui 20 tahun.

Sejajar dengan pembangunan Angkatan Lautnya, maka Indonesia telah memeterai perjanjian dengan Belanda pada 7 Jan 04 untuk perolehan kapal perang jenis 'corvette' dari Kelas SIGMA bagi membangunkan keupayaan Tentera Nasional Indonesia - Angkatan Laut (TNI-AL). Kapal perang dari jenis 'corvette' yang dipesan dari Belanda ini diperolehi secara bertahap di mana tahap pertama Indonesia memesan sebanyak 2 buah. Kapal dari kelas SIGMA ini (Ship Integrated Geometrical Modularity Approach) dibina di Limbungan Royal Schelde Vlissingen, Belanda dengan harga US167 juta bagi setiap buah. 'Corvette' ini dilaporkan telah memulakan pembinaannya pada Sep 2004 dan dijangka akan mula beroperasi pada pertengahan tahun 2007. Bagi tahap kedua, Indonesia akan membina 2 buah kapal tersebut di dalam negara dengan menggunakan keupayaan industri pertahanan mereka sendiri.

SPESIFIKASI

Kapal Perang 'Corvette' yang dibina ini adalah sepanjang 90 meter dengan lebar 12.2 meter. Anak-anak kapalnya adalah seramai 81 orang. Kapal perang Kelas SIGMA yang dibina ini mempunyai beberapa pilihan bagi sistem kuasa gerakannya. Pilihan sistem kuasa gerak yang boleh digunakan termasuk 'twin screw controllable pitch propeller' atau 'twin waterjets' yang boleh digerakkan



'Corvette' Kelas SIGMA yang bakal diperolehi oleh TNI-AL

menggunakan 2 atau 4 jentera utama. Selain itu, kapal ini juga boleh menggunakan gas turbin. Sistem elektrik pula dihasilkan oleh 4 atau 6 janakuasa diesel.

KELENGKAPAN PERSENJATAAN

Peluru Berpandu. Kapal perang 'corvette' ini kelak akan dilengkapi dengan peluru berpandu permukaan ke permukaan dari jenis *Aerospatiale* MM-40 Blok 2 sebanyak 8 buah. Peluru berpandu jenis ini mempunyai jarak jangkauan sejauh 70 km (40 batu nautika) dengan 'warhead' seberat 165kg. Pemanduan peluru ini menggunakan 'active radar homing' yang bersifat jelajah inersia dan 'sea skimmer'. Selain itu, ia juga dilengkapi dengan peluru berpandu permukaan ke udara dari jenis *Mistral*. Sejumlah 8 buah peluru berpandu ini yang dipasang pada 2 peluncur *Tetral* yang mempunyai 4 laras. Keupayaan jangkauan yang efektif bagi peluru berpandu ini adalah sejauh 4 km (2.2 batu nautika). Peluru berpandu ini digunakan untuk anti pesawat udara, helikopter, peluru berpandu balistik dan peluru berpandu anti kapal. Ia menggunakan kawalan infra merah.

MERIAM

Selain itu, bagi memperlengkapkan lagi sistem persenjataannya, kapal ini turut dipasang dengan

sebuah meriam dari jenis OTO-Melara 3 inci (76 mm)/62 *Super Rapid*. Kelajuan tembakan adalah 120 rpm dengan berat peluru 6 kg. Jangkauan tembakan maksima adalah 16 km (8.7 batu nautika) untuk sasaran di permukaan dan 12 km (6.6 batu nautika) untuk sasaran di udara. Meriam ini digunakan sebagai anti kapal, anti pesawat udara, helikopter, peluru berpandu balistik, peluru berpandu anti kapal. Tembakan dikawal secara automatik oleh Sistem Persenjaan *Signal LIROD Mk.2*.

Selain itu, kapal ini dipasang dengan 2 buah meriam penangkis serangan udara iaitu (PSU) GIAT 15A / 15B 20 mm. Meriam ini berkeupayaan membuat tembakan 740-800 rpm dengan jarak jangkauan maksima 10 km dan jarak jangkauan efektif 2 km. Berat pelurunya pula adalah 0.1 kg. Meriam ini digunakan sebagai anti pesawat udara dan helikopter.

TORPEDO

Bagi sistem persenjaan anti kapal selam pula, kapal ini dilengkapi dengan *Honeywell* Mk 46 : 12 pucuk. Torpedo ini dilancarkan dengan menggunakan pelancar tabung Mk 32 (324 mm). Jangkauan tembakannya ialah 11 km (5.9 batu nautika) dengan kelajuan 40 knots. Berat 'warhead' adalah 44 kg.

Kapal 'corvette' ini mempunyai keupayaan untuk membawa sebuah helikopter. Namun begitu buat masa ini jenis helikopter yang akan ditempatkan di kapal ini masih belum dipastikan lagi. **S**



Model 'Corvette' Kelas SIGMA.

Satu Anjakan Paradigma Ke Arah ATMA Abad Ke-21

Oleh : Lt Kdr Asmayatim bin Abdul TLDM
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL

Tanggal 29 April 2005 meninggalkan satu catatan bersejarah kepada ATM. Bermula 26 Oktober 1959 apabila Tan Sri Sir Rodney

Moore dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera Malaysia yang pertama sehingga tarikh persaraan YBhg Tan Sri Mohd Zahidi bin Zainuddin sebagai Panglima Angkatan Tentera yang ke-13 pada 29 April 2005, kesemua Panglima Angkatan Tentera adalah terdiri dari kalangan pegawai Tentera Darat yang hampir kesemuanya dari Rejimen

Askar Melayu Diraja. Perlantikan YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Nor sebagai Panglima Angkatan Tentera yang ke-14 pada 29 April 2005 bukan sahaja dilihat sebagai pe-mecah tradisi ATM, bahkan merupakan satu mercu tanda kepada anjakan paradigma dalam ATM itu sendiri.

Dalam konteks TLDM, perlantikan bekas Panglima Tentera Laut sebagai Panglima Angkatan Tentera merupakan satu penghormatan dan pengiktirafan yang tinggi diberi oleh kerajaan kepada TLDM. Namun dalam konteks yang lebih luas, perlantikan Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar menandakan bermulanya era baru

ATM. Seperti yang dinyatakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan (Utusan Malaysia, 29 Apr 05), YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak, perlantikan Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar sebagai Panglima Angkatan Tentera adalah sejajar dengan perubahan paradigma dalam pembangunan ATM. Menurut beliau, perkara ini juga selaras dengan perkembangan angkatan tentera di seluruh dunia yang mengutamakan kesepaduan antara 3 perkhidmatan. ATM kini sedang melangkah untuk melaksanakan konsep Operasi Bersama dengan penubuhan Markas Angkatan Bersama pada 6 September 2004. Perlantikan tersebut juga mencerminkan hasrat pucuk pimpinan negara untuk menjayakan konsep ini yang merupakan teras kepada pembangunan ATM di masa hadapan.



Penulis berpandangan, dalam konteks organisasi yang moden dan berdaya saing, pemilihan pucuk pimpinan sesebuah organisasi mesti dibuat berdasarkan kepada konsep “best man for the job”. Sesebuah organisasi yang dinamik memerlukan kepimpinan yang berkesan, mantap dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan unggul yang mampu membawa organisasi ke mercu yang lebih tinggi. Dalam konteks ATM, Panglima Angkatan Tentera dipilih berdasarkan kebolehan dan ciri-ciri kepimpinan beliau. Oleh yang demikian, jawatan Panglima Angkatan Tentera tidak semestinya menjadi hak mana-mana perkhidmatan, bahkan bukan juga satu jawatan yang perlu digilirkan hanya kerana untuk memberi peluang kepada semua perkhidmatan menyandang kedudukan ini.

YBhg Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar dalam ucapan ulung beliau sebagai Panglima Angkatan

semoga kepimpinan beliau yang merupakan kesinambungan kepada kepimpinan terdahulu di mana ia akan terus membawa ATM sebagai sebuah organisasi unggul dan dihormati. Sebagai warga ATM pula, kita perlu sama-sama menunjukkan sifat taat setia dan komitmen kita kepada pucuk pimpinan dan turut sama membantu merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan oleh Panglima Angkatan Tentera supaya ATM menjadi sebuah organisasi yang relevan serta bergerak seiring dengan keperluan dan keadaan semasa. Bagi mencapai matlamat ini, Panglima Angkatan Tentera telah menyatakan bahawa ATM perlu melaksanakan proses transformasi dengan merubah beberapa dasar dan struktur bagi melahirkan ATM Abad ke-21 yang terus relevan. Semoga dengan kepimpinan beliau, ATM akan terus maju dan mampu melangkah megah sebagai sebuah angkatan tentera yang berwibawa, disegani kawan maupun lawan.



Tentera, telah menekankan betapa pentingnya setiap warga ATM menganjak paradigma minda yang bersifat perkhidmatan tunggal kepada semangat kebersamaan. Selain itu, beliau turut menggariskan 4 perkara lagi yang perlu diberi tumpuan iaitu pembangunan seimbang, berfokus dan mengikut keutamaan sesuai dengan senario keselamatan semasa, pembangunan sumber manusia yang kompeten, kepimpinan berkesan di semua peringkat warga ATM dan memperkasakan nilai keperwiraan di kalangan warga ATM.

Sebagai warga TLDM, kita semua amat berbangga dengan pencapaian Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar sebagai Panglima Angkatan Tentera dan berharap

“Amanat dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada saya amat besar dan mencabar. Walaupun pakaian seragam masih putih, sanubari dan minda saya kini ungu”.

(Ucapan ulung Panglima Angkatan Tentera, Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Mohd Nor pada 29 Apr 04). **S**

Puteri Mahsuri

KAPAL LAYAR LATIHAN

Oleh : Lt Rosdi bin Mohamad TLDM
Foto : Cawangan Perhubungan Raya MPL

MAHSURI adalah satu nama lagenda yang dikaitkan dengan seorang wanita Melayu yang dianiaya satu ketika dahulu dan dihukum bunuh di Pulau Langkawi. Nama lagenda ini kini telah diabadikan di sebuah kapal layar milik syarikat Halim Mazmin Sdn Bhd dengan nama STS (*Sail Training Ship*) PUTERI MAHSURI.

Kapal layar yang mempunyai 3 *Masted Barque* ini dibeli oleh syarikat tersebut dari negara Jepun kini disewa sebagai *platform* latihan pelayaran oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk tempoh 3 tahun. Kapal layar latihan kedua ini adalah bagi menampung beban tugas Kapal Layar Diraja (KLD) TUNAS SAMUDERA. Majlis penyerahan kapal layar PUTERI MAHSURI kepada TLDM telah dilakukan oleh bekas Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor di Pangkalan TLDM Lumut baru-baru ini.

Kapal layar PUTERI MAHSURI mempunyai sejarah tersendiri, nama asal kapal ialah KANRIN MARU yang dibina pada 15 Januari 1990. Kapal layar ini diberi nama KANRIN MARU sempena nama kapal pertama negara Jepun yang berjaya membawa kunjungan diplomatik Jepun ke Amerika Syarikat pada tahun 1860. Kapal layar ini telah membuat pelayaran ke San Fransisco, Amerika Syarikat untuk merayakan ulangtahun ke-130 sempena kunjungan pertama kapal KANRIN MARU ke Amerika Syarikat.

Kapal layar tersebut telah digunakan untuk mempromosikan latihan bina semangat dan kepimpinan di kalangan masyarakat Jepun dan juga anggota Tentera Laut Jepun. Pada tahun 2001, ia telah dibeli oleh Syarikat Halim Mazmin dan dibuat pengubahsuaian sebelum ianya dibawa ke Langkawi.

Kapal layar PUTERI MAHSURI kini di bawah kawalan TLDM dan dipertanggungjawabkan kepada Markas Pendidikan dan Latihan (MPL) untuk merangka rancangan pelayaran dan latihan. Aktiviti yang dapat dikendalikan di kapal layar ini merangkumi *team building*, pelayaran menggunakan layar, ilmu kelautan, latihan kepimpinan dan *navigasi*. Program juga sedang dirumuskan bagi mempromosikan keunikan kapal ini menyediakan latihan bina semangat serta kepimpinan di kalangan syarikat korporat, agensi kerajaan dan belia. Usaha ini juga penting ke arah meningkatkan kesedaran masyarakat Malaysia supaya lebih berjiwa maritim.

Dalam ertikata lain, kapal layar ini adalah aset terbaik untuk mempromosikan TLDM melalui program latihan kepada agensi lain bagi memupuk atau memperkukuhkan kerjasama dan persahabatan antara agensi. Ini juga adalah sejajar dengan peranan serta sumbangan TLDM dalam mewujudkan strategi *National Patnership*. Peluang bagi masyarakat serta sektor awam melalui program kepimpinan dan bina semangat yang dirancang adalah dianggap unik walaupun ia bukan suatu yang baru di negara maju dimana setiap peserta dikenakan bayaran yang sangat tinggi. Keunikan aktiviti pelayaran, bekerja dalam satu kumpulan dalam suasana yang sempit serta mencabar membolehkan pencapaian hasil yang menakjubkan. Melalui pengalaman lepas melalui program kapal layar TUNAS SAMUDERA, aktiviti seperti ini boleh mengubah sikap serta persepsi setiap peserta dalam jangkamasa yang pendek.



STS PUTERI MAHSURI - Gagah mengharungi samudera.



Konsep Kapal Layar Latihan STS PUTERI MAHSURI ialah untuk melaksanakan evolusi maritim bagi membentuk sahsiah diri peserta secara individu dan berkumpulan. Objektif yang disasarkan adalah merangkumi aspek-aspek berikut :

- Membantu peserta mencapai perkembangan potensi diri (*self potential development*).
- Menggalakkan perkembangan minda positif dalam diri (*character development in positive thinking*).
 - Melahirkan anggota yang berketrampilan dan berpengetahuan.
 - Membentuk daya kepemimpinan di kalangan peserta (*leadership*).
- Membina semangat setiakawan untuk bekerja di dalam satu kumpulan (*team building*).
- Memberikan latihan asas pelayaran dan ilmu kelautan bertaraf dunia kepada peserta ke arah kesedaran maritim.

Program/aktiviti team building yang telah disusun ialah pengurusan krisis, aktiviti kepimpinan, *receptive communication*, analisis dan membuat keputusan, creative thinking, penyelesaian masalah dan kerja berpasukan untuk mengeratkan *esprit de-corps* di kalangan peserta program. Program ini terbahagi kepada 3 tahap iaitu Tahap Asas (*Basic Level*) yang ditumpukan khusus untuk Pegawai Kadet dan Bintara, Tahap Pertengahan (*Intermediate Level*) untuk Leftenan dan Leftenan Muda/Madya dan Tahap Advance (*Advance Level*)

untuk pegawai kanan berpangkat Komander ke atas dan pegawai peringkat pengurusan daripada sektor korporat dan awam. Apa yang menarik ialah program yang diatur memberikan satu kelainan jika dibandingkan dengan program jati diri ataupun team building yang dikendalikan di institusi latihan yang lain. Ini kerana lanya dibentuk sesuai dengan suasana kehidupan di laut dan dapat memberikan kepuasan kepada peserta. Sebagai langkah untuk penilaian dan pengukuran, setiap peserta akan diberi borang penilaian diri mengenai apa yang mereka harapkan di akhir program. Pada masa itu, borang penilaian program akan diedarkan untuk mengukur samada program yang diatur mencapai objektif yang disasarkan atau sebaliknya. Sebarang usul akan diambil kira bertujuan untuk penambahbaikan program.

TLDM dengan kerjasama syarikat Halim Mazmin, yakin bahawa Kapal Layar PUTERI MAHSURI adalah *platform* terbaik membina jati diri dan semangat kental peserta mengharungi arus lautan menggunakan kuasa dan petunjuk alam semulajadi. Segala usaha sedang dirancang agar pelaburan kerajaan mendapat pulangan yang setimpal bukan sahaja kepada TLDM, bahkan kepada masyarakat Malaysia umumnya.

TLDM amat bangga kerana dijemput untuk menyertai *Tall Ship Race 2007* negara Poland. Kapal layar TLDM sama ada TUNAS SAMUDERA atau PUTERI MAHSURI kini dirancang menyertai pelayaran ke Poland mengharungi samudera luas ke benua Eropah Amerika bagi menyertai acara perlumbaan kapal layar yang bersejarah dan bertaraf antarabangsa tersebut. Aktiviti unik sebegini akan memperkasakan lagi peranan TLDM sebagai instrumen dasar Luar Negara yang efektif bagi menonjolkan imej Malaysia sebagai negara maritim yang maju dan dinamik. **S**



KLD TUNAS SAMUDERA
- Kapal layar pertama TLDM

Spesifikasi PUTERI MAHSURI

Panjang	:	60 meter
Ketinggian Paras Permukaan Air	:	32 meter
Berat	:	794 tan
Enjin	:	2 enjin Mitsubishi, 2 generator
Krew	:	14 Krew, 40 Pelatih (54 orang)
Layar	:	3 Masted Barque, segala jenis layar digunakan untuk pelayaran

STS PUTERI MAHSURI

Istiadat Perbarisan Diraja

Pegawai Dalam Latihan TLDM

Oleh: Lt Rabayah bt Rahmat TLDM
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong XII Tuanku Syed Sirajudin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berkenan mencemar Duli ke Pangkalan TLDM Lumut bagi menghadiri Istiadat Perbarisan Diraja dan Pengurniaan Watakah Tauliah kepada 118 orang Pegawai Dalam Latihan TLDM yang terdiri daripada Pegawai Tauliah Jangka Pendek ke-53, Pegawai Graduan ke-14 dan Pegawai Tugas Khas ke-28. Istiadat ini telah dilaksanakan di Padang Kawad Markas Pendidikan dan Latihan TLDM pada 21 Jun 05 yang lalu.

Dalam titah ucapan, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah menasihatkan para pegawai yang baru ditauliahkan pada hari yang bertuah itu untuk terus menunjukkan keperibadian diri yang baik agar masyarakat memandang tinggi dan menghormati profesion ini khasnya dan ATM amnya.

Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong juga memaklumkan bahawa cabaran-cabaran yang dihadapi terutamanya daripada sudut perubahan senario keselamatan secara global mahupun serantau memerlukan TLDM agar mengolah strategi yang lebih proaktif.

Ia bertujuan agar TLDM sentiasa relevan dan siap sedia menangkis apa jua ancaman samada dalam bentuk konvensional mahupun pelbagai.



PERBARISAN DIRAJA



Keberangkatan tiba SPB Yang Dipertuan Agong beserta rombongan di Wisma Samudera.



Kebawah Duli Tuanku berdua beristirehat di Flag Lounge.



Di meja utama sebelum santapan beradat dimulakan.



Pegawai Dalam Latihan bersama keluarga di dewan makan.

Walaupun memiliki aset tempur yang canggih, apa yang penting ialah memastikan warga TLDM sentiasa kompeten dan mahir mengendalikan sistem-sistem berteknologi tinggi. Justeru, kunci kepada kejayaan adalah pengetahuan dan ilmu.

Betapa bertuahnyanya warga TLDM dan para keluarga kerana berpeluang menyaksikan istiadat perbarisan di samping dapat beramah mesra bersama kebawah duli tuanku berdua.

*"Dirgahayu tuanku.
Patik menjunjung kasih."*s

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sai Perhubungan Awam TLDM
Markas Tentera Laut



NOSTALGIA PULAREK TERSEMAT KD SULTAN ISMAIL TERPAHAT...

Oleh : PW I KMR Zohaida bt Mohd Isa
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL



“Dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM..... dengan sukacitanya beta menamakan, mentauliah dan merasmikan KD SULTAN ISMAIL. Dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Ibni Sultan Ismail pada 26 Februari 2005, bersamaan 17 Muharram 1426 Hijrah, maka itulah titik permulaan dan sejarah diukir oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya.”

Pentaulliah Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Tanjung Pengelih begitu istimewa kerana liku-liku perjalanan yang dilalui oleh PULAREK TLDM sehingga ditauliahkan merupakan satu lagenda yang mempunyai nilai sentimental yang tersendiri untuk dingati. Nostalgia perpindahan KD PELANDOK ke Pangkalan TLDM Lumut telah bermula pada tahun 1979. Pada waktu itu, KD PELANDOK telah dipertanggungjawab sebagai pusat latihan pegawai kadet, latihan asas pelaut muda dan kursus kerjaya laskar. Apabila bertambahnya pelatih-pelatih yang mengikuti kursus kerjaya, TLDM telah mengambil satu pendekatan baru dengan mengubah corak pelaksanaan kursus asas pelaut muda iaitu diasingkan dari pelatih yang lebih senior. Pada tahun 1984, Pusat Latihan Rekrut yang kemudiannya dikenali sebagai Fakulti Rekrut (FAREK) dipindah ke Pangkalan TLDM Woodlands, Singapura. Organisasi fakulti ini di bawah KD PELANDOK sementara berek TLDM Woodlands yang bertindak sebagai unit bantuan di bawah pemerintahan Markas Wilayah Laut 1. Di sinilah bermulanya FAREK mencoretkan jejak-jejak sejarah perjalanannya sebagai Pusat Latihan Rekrut TLDM.

Setelah beroperasi selama lebih kurang 18 tahun sebagai Pusat Latihan Rekrut dan selepas Pangkalan TLDM Woodlands diserahkan kepada pihak kerajaan Singapura, Fakulti Rekrut dan Berek TLDM Woodlands telah dipindahkan ke Tg. Pengelih dengan nama baru iaitu Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM. Melalui organisasi baru ini, Berek TLDM Woodlands tidak diwujudkan lagi.



Istiadat pemeriksaan kawalan diraja.

Peristiwa ini diibaratkan 'Bagai sirih pulang ke gagang'. Pegawai Memerintah pertama PULAREK TLDM, Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih ialah Kdr Mohammad Noordin bin Ali TLDM (sekarang berpangkat Laksamana Pertama). Dalam bulan Ogos 2004, Markas Tentera Laut

telah mengeluarkan perancangan pentaulliah unit-unit TLDM untuk tahun 2005 dan salah satu daripadanya ialah PULAREK TLDM dengan nama KD SULTAN ISMAIL, sempena nama DYMM Almarhum Sultan Ismail Ibni Almarhum Sultan Ibrahim.

Tindakan susulan yang diambil untuk ke arah itu, ialah perbincangan dan penyelidikan mencari data-data sahih dan mengimbau detik-detik sejarah yang dilalui oleh Almarhum Sultan Ismail. Pegawai Memerintah PULAREK menyerahkan tanggungjawab ini kepada Ketua Cawangan Tadbir Laksana (KCTL), Lt Kdr Borhan bin Daut TLDM. Hasil dari kajian tersebut, sejarah membuktikan bahawa kesultanan Johor begitu sinonim dengan ilmu kelautan dan tambahan pula Almarhum Sultan Ismail merupakan Kepten Yang Dipertua Tentera Laut Diraja Malaysia yang pertama. Pemilihan TLDM untuk Sultan Ismail merupakan satu pilihan yang tepat

kerana penglibatan Almarhum Sultan Ismail dengan angkatan laut pada masa dahulu juga merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan TLDM kepada pemerintahan institusi raja khususnya kesultanan Johor. Di samping itu, ianya juga akan menjadi satu memori dalam



KD SULTAN ISMAIL....terukir megah

lipatan sejarah negara khususnya di kalangan warga TLDM sendiri.

Detik persiapan PULAREK TLDM ke arah pentauliah bermula. Nota taklimat pentauliah untuk YBhg Panglima Tentera Laut (PTL) disiapkan untuk dipersembahkan ke bawah DYMM Baginda Sultan Johor bagi mendapat perkenan. Kunjungan merafak sembah ke bawah DYMM Baginda Sultan Johor telah dilakukan oleh YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor Panglima Tentera Laut pada ketika itu, dengan diiringi oleh Kept Lee Kwang Lock TLDM bagi mempersembahkan hasrat TLDM untuk menukarkan nama Pusat Latihan Rekrut (PULAREK) TLDM kepada nama Sultan Ismail dan memohon perkenan DYMM Baginda Sultan untuk mentauliah Pangkalan ini dengan gelaran Kapal Diraja Sultan Ismail (KDSI). Kunjungan ini telah mendapat maklumbalas yang positif dari pihak istana kerana sebelum ini DYMM Baginda Sultan Iskandar, pernah menyuarakan hasrat untuk TLDM menamakan salah satu pangkalannya dengan nama almarhum ayahanda baginda, DYMM Sultan Ismail sebelum ini.

Tanggal 26 Feb 2005 bersamaan 17 Muharram 1426 Hijrah, DYMM Baginda Sultan Johor telah berkenan untuk mencemar duli turun ke pangkalan TLDM Tanjung Pengelih bagi menyempurnakan upacara penamaan, pentauliah dan perasmian PULAREK TLDM. Semua pemimpin tertinggi TLDM, pegawai dan seluruh warga KDSI bersyukur kerana detik pentauliah

berlaku dengan jayanya dalam suasana penuh harmoni. Serentak itu, panji-panji dan perkibaran bendera penuh dinaikkan seiring dengan lagu Samudera Raya. Perkataan KD SULTAN ISMAIL terpahat megah di lereng bukit stadium pangkalan. Kemuncak acara diserikan lagi dengan perbarisan diraja diikuti dengan aksi anggota PASKAL. Pada masa yang sama, helikopter *Fennec* dan *Super Lynx* dari SKN 501 dan 502 melakukan lintas hormat dalam formasi penerbangan mara mengadap dan diakhiri dengan persembahan kawad senyap oleh pasukan TATU TLDM.

Sejajar hasrat Pemerintah Tertinggi TLDM untuk menjadikan pangkalan ini sebagai sebuah organisasi yang berkualiti, berwibawa dan berketerampilan bertepatan dengan visi

TLDM, KDSI kini sudah bersedia untuk menyahut seruan itu dengan mempersiapkan diri ke arah mendapat pengiktirafan persijilan ISO 9001:2000. Skop yang dipilih memfokuskan kepada bidang teras pasukan iaitu memberi penekanan dan latihan asas kerjaya sumber manusia. Penghargaan juga turut diberikan pada Masjid Thoriq Ibnu Ziad KDSI sebagai pemenang masjid/surau contoh peringkat ATM bagi tahun 2004. Pencalonan Rumah Sakit Angkatan Tentera pula untuk anugerah Pengurusan Terbaik RSAT tahun 2005 ini menambahkan koleksi kecemerlangan pangkalan ini di samping pengiktirafan tempat penginapan untuk VIP dan VVIP yang berprestij oleh para tetamu terhormat menjadikan satu kebanggaan dan kemegahan KDSI dan warganya.

Perjuangan ini tidak akan terhenti selagi panji-panji TLDM terus berkibar. Warga KDSI diharapkan mempersiapkan diri untuk merealisasikan wawasan Pegawai Memerintahnya iaitu 'Untuk melihat perajurit muda yang dilatih dari pusat ini menerima kualiti kehidupan (*quality of life*), berdisiplin, cekal, berinovatif dan bersedia menerima perubahan teknologi dan perubahan yang tidak diketahui pada masa hadapan.' Bersama berganding bahu memperkasakan KDSI agar terus menjadi sebutan sebagai Pusat Latihan contoh untuk perajurit muda dan juga sebagai sebuah pasukan ATM yang memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan-pelanggan yang berurusan dengannya. Syabas KD SULTAN ISMAIL. **S**



Aksi menarik dari Pasukan Kawad Senyap TLDM.

5 Asas Pelayaran

BAHAGIAN KEENAM

Oleh Lt Kdr Malik Bin Sulaiman TLDM


Pengenalan

Mulai edisi ini, giliran saya menyambung tugas BK PBS(I) Sabarudin bin Abas dan Lt Mohammad Hamdan bin Mohammad Shamsuddin TLDM mengisi ruangan Ilmu Kelautan yang sinonim dengan TLDM.


Edisi-edisi lepas telah menerangkan dengan ringkas sejarah bot *optimist*, teori arah pelayaran, pelayaran kali pertama dan arah pelayaran. Edisi SAMUDERA 02/2005 dan seterusnya akan menerangkan bagaimana sesebuah bot belayar lebih laju berbanding bot lain. Artikel ini boleh dipraktikkan kepada bot layar dan kapal-kapal. Istilah pelayaran diterangkan melalui gambar dan penerangan.

Lima Asas Penting Pelayaran


Banyak faktor menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pelayaran. Digabung dan dirangkumkan bersama kepada 5 kumpulan besar dinamakan Asas Penting Pelayaran akan membezakan kelajuan dan keberkesanan sesebuah bot belayar berbanding bot layar lain pada keadaan sama. Lima asas pelayaran merupakan senarai semak untuk digunakan semasa belayar terutama apabila menukar haluan.



(a) Sailing Upright



(b) Senget ke Leeward



(c) Luff-up dan Bear-off

1. Imbangan Bot

Bot dan kapal layar belayar dengan berkesan pada keadaan seimbang *winward-leeward* dipanggil *sailing upright* (a) Sekiranya bot dibiarkan senget ke *leeward*, (b) Rintangan bertambah dan bot akan berpusing ke arah angin *luff-up*, (c) Sebaliknya, jika bot dibiarkan senget ke *windward*, bot akan bertukar arah keluar dari arah angin (*bear-off*). Gunakan berat badan untuk mengimbangi bot dari tolakan tenaga sengetan oleh tiupan angin. CB (*center of balance*) dan CG (*centre of gravity*) akan menegak ke atas (a).




(d) Imbangan Fore and Aft oleh kesan ombak

2. Trim Fore and Aft

Pengagihan berat pelayar dan peralatan secara *Fore and Aft* di dalam bot sama pentingnya dengan imbangan (d) Untuk menguasai kemahiran ini, latihan berterusan adalah kaedah terbaik. Ia memerlukan kemahiran merasa (*feeling*) dan tindakan refleksi apabila bot menaiki dan menuruni ombak. Berat badan perlu diletakkan di kedudukan ke hadapan bot semasa belayar ke arah angin (*close haul*) dan di kedudukan ke belakang sedikit bila belayar dengan angin (*down wind*). Meletak berat badan ke hadapan membolehkan *bow* bot membelah ombak dan mengelakkannya jatuh menghempas air. Bila belayar dengan angin (*reaching dan running*), mengalih berat ke belakang akan mengangkat *bow* bagi mengelakkannya dari mencedok air dan bot boleh meluncur laju bersama ombak (e).


3. Melaras Layar (Sail Setting)

Layar adalah punca kuasa untuk mengerakkan bot. Layar menghasilkan kuasa maksima apabila diselaras pada sudut tertentu kepada arah angin (f) Sudut ini amat kritikal dan sebagai pelayar pengetahuan teori aerodinamik yang kompleks bukan sesuatu kemestian. Kemahiran melaras layar boleh dipelajari dengan latihan berterusan. Sebagai panduan mudah,



(e) Reaching - berat badan ke belakang

layar diselaraskan berpanduan benang penunjuk (*tell-tails*) dan




(f) Melaras layar kepada angin untuk menghasilkan kelajuan maksima.

bahagian *luff* layar (g) Laraskan layar ke arah angin dengan menarik atau melepaskan *main sheet* bukan mengubah haluan bot. Bila menukar haluan ke arah angin, tarik *main sheet*. Sebaliknya bila belayar menjauhi angin (*bear away*), lepaskan *main sheet*. Kerap berlaku kepada pelayar baru tidak melepaskan layar apabila *bear away*. Akibatnya, kelajuan bot berkurangan kerana layar *stall* dan bot akan senget.


kerana kesan *leeway* paling ketara dan apabila belayar *reaching*, separuh *centreboard* digunakan. Semasa *running*, kesan *leeway* hampir tiada, cuma sedikit *centreboard* digunakan untuk memudahkan kawalan bot.

melawan angin, kesan *leeway* perlu diambil kira. Pelayaran memerlukan kita menukar haluan samada dirancang bila dan di mana hendak dilakukan atau terpaksa untuk tindakan keselamatan. Kesan arus juga perlu diketahui dengan melihat arah pergerakan air di tiang atau *mooring bouy* dan diambil kira. Semasa belayar melintasi kawasan berarus, gunakan transit iaitu sebarang objek tetap yang ketara seperti pokok besar, boya, tiang, bangunan dan sebagainya di hadapan dan di belakang kita (i). Pergerakan terkeluar dari garisan di antara kedua-dua transit menunjukkan kita telah hanyut (j).

Kemahiran menguasai dan menggunakan ilmu pelayaran membezakan keupayaan dan kecekapan sebenar seseorang pelayar mengendalikan botnya. Pada kebiasaannya, kemahiran ini menentukan pelayar yang akan memenangi mana-mana perlumbaan. S



(g) Tell tails dan luff layar.



(h) Kesan Leeway kepada pelayaran.

5. Course Make Good (CMG)

CMG adalah jarak terpendek dan masa terpendek untuk belayar di antara 2 titik. Dalam pelayaran, CMG tidak semestinya belayar terus pada satu arah. Ia bergantung kepada arah angin, tolakan arus dan keadaan ombak. Semasa belayar *close haul*




(i) Contoh transit

4. Centreboard

Seperti pergerakan meluncur ke hadapan, kesan tiupan angin ke atas layar, arus dan ombak boleh menolak *hull* ke arah sisi – dipanggil kesan *leeway* (h) *Centreboard* digunakan untuk mengurangkan kesan *leeway*. Penggunaannya dikawal iaitu samada keseluruhan atau sebahagian sahaja. Semasa belayar *close haul*, keseluruhan *centreboard* digunakan



Tanda belakang buka ke kanan



Kedua-dua transit selari

(j) Penggunaan transit.



KD MALAYA

Striving For Quality Services

By: Capt Syed Zahiruddin Putra RMN

KD MALAYA has always been synonymous to rejects and misfits that has lesser use to operational units. Here you will be able to see the one legged man to a half hearted individual who works part time in the RMN and full heartedly elsewhere earning a living. The stigma as CO KD MALAYA has always been associated to one who is at the verge of retiring or one who has stepped on some mighty toes. Records speak by itself as reference is being made to former commands. KD MALAYA is also about the busiest address where the hustle and bustle of VVIPs seems to be ever looming endlessly. Handling VVIPs never come naturally to all of us, neither is it an interesting episode to look forward to, as the

slightest slip-up will spell disaster. I am taking all this in my stride at the moment, yearning to capitalise the adversity into opportunity I hope! To that extent, I could not help noticing that there are a lot of things that could be done here that would made the difference. Process and systems are not in order. Basically I reckon what KD MALAYA needed is a shot in the arm for a makeover that is long overdue in Striving for Quality Services.

In essence this article is more of my personal memoir, an account of the problems that I faced, the action that has been taken and the plans in store. It is also literally my check off list on things to do that hopefully would transform KD MALAYA into an organisation of excellence. It is basically the end state that I would like KD MALAYA to

be in. This list would be further deliberated in this article as a discourse to solicit views, comments and ideas from readers. What then could KD MALAYA like any other shore bases as a service provider do in pursuit for Quality Services? Consequently there are problems that has been with KD MALAYA for ages, year in year out, the same recurring problem. From

collection to maintenance of infrastructure as well as the general outlook and cleanliness of the base. We would like to go to the root cause of the problem and then draw some strategic measures to mitigate it all.

Top on my list is the cleanliness and outlook of the base as a whole. It has improved I assume but again they are these bad hats who are the minority group, the nuisance. Children and the bachelors have something common they are the ones littering the base, from junk food wrappers to pop ice cream. A memo will be out soon to ban both items from being sold in the base. Beside regular rounds by respective unit, the bachelor block is still a problem area. Daily skirmishing is being introduced where everybody will take turn to spruce up their block. This is the only way to stop them from littering around as they will then feel the agony of picking up their own rubbish. Three times daily, somebody will be going round the main route again collecting what is not pleasant to the eyes. Then there is the daily Lt Kdr cleanliness rounds, the XO weekly rounds and the CO spot rounds. Things are improving but you could still spot litters around. Then there is the monkeys and the wild boar menace, literally plundering the rubbish bin at Bukit Perwira and Bukit Laksamana, leaving behind a trail of filthy and foul remains. There has been many tries to overcome this from shooting them down, lockable rubbish bin, rubbish bin stand, rubbish bin housing but to no avail and all failed. Finally we have come up with an indigenous KD MALAYA own made and patented rubbish bin wire mesh casing.



Maintainance culture as always been a fundamental work culture

Ultimately the problem is resolved the monkeys and the wild boars are starving and both Bukit now appears cleaner. The third week of the month Gotong Royong Pangkalan that was introduced is also bearing its fruits, the base is definitely cleaner but is still not up to the mark.

Next is the maintenance of buildings and infrastructures in the base. Annually an average of RM 15 million is allocated for such purpose. Even though we keep on saying that the base as a whole is well maintained and we are proud of our maintenance culture but going to the gist of things there are a lot of areas that could be improved upon. What is lacking is a systematic process flow on how it should be done. We are now a certified ISO 9001: 2000 organisation but that does not mean things are in order. Unfortunately KD MALAYA ISO exercise is just merely documenting what is being done, and what has been practised all this while. Principally what should have been done in the first place is that all the processes involved should have been revisited and improved first. Once in order, only then KD MALAYA should proceed with the certification. But this has not been the case, this oversight was discovered late in the final stages of the ISO exercise, the decision then was to go ahead with it and improvements are to be made later after the certification. As a testimony to this, a lot of rework is now being done as follows:

- **Managing job cards, request and complaint.** An effective and efficient system is required to action, monitor and at the same time keeping the customer regularly posted on progress of action taken.

- **Repairs and Renovation.** Some of the very common routine repairs such as piping works, electrical problems and toilets are taking too long to be repaired as certain award procedures are to be conformed to. Initiatives is now drawn to itemised a list of important repairs that need immediate action that would warrant a ceiling contract. A work scope would then be established, a list that KD MALAYA could handled and the rest would be done by JKR to avoid duplication of

works and to improve efficiency.

- **LPO and Financial Management.** A dismay blunder that need to be resolved. Sound financial procedures will have to be introduced and to be complied strictly. Lessons learnt from KD MALAYA financial booboo is never to trusts anybody as far as money is concern.

Meanwhile efficient management of married quarters is also a concern. Simple and routine administrative matters like moving in, managing house inventory list and handing over the quarters is handled haphazardly. To overcome this, request for quarters, furniture, reporting defects and environmental services will be handle through a one stop centre. Services will be rendered through KD MALAYA webpage that would be available soon through TLDM net. Managing of contract services like rubbish collection and other contract will be done systematically to ensure payment will only be made based on work done. Sectors, zones and standards with work sheet will be introduced to ensure contractors deliver their services as expected of them.

Economics savvy is something to be lamented about. Building of new infrastructures, renovation or even money spend on maintenance do not seem to be prioritised accordingly. It is more of a case of spending money prudently and wisely. Lately there has been numerous projects in the base done and completed in record time under the projek khas programme. It is a great boost and achievement for those who were involved. These feats should be in the Guinness Book of Records and personalities involved deserved special recognition and their effort to be lauded. However priorities



Housing facilities timely maintained by KD MALAYA in order to enhance the living quality of RMN Personnel.

The bottom line is we should have a least use some Cost Benefit Analysis model to measure the outcome of it. This then should form the basis in determining where priorities of spending should go to.

Last but not least a lean and mean entity as an organisation to be reckoned with is next on my agenda. It is incumbent upon me as HR is my forte to take on this acutely. This means a lot to an organisation. Only when an entity is lean, things will fall into place and human capital will then be fully utilised and optimised. When that happens, quality will show its form. I believe there are a lot of passengers in KD MALAYA. KD MALAYA has a perjawatan strength of 627, out of this I now have at last count 523 officers and men. My tacit instinct tells me I can comfortably do away one third of the strength. Reason being some of the services of KD MALAYA has been outsourced, office and data access automation has improved, procedures practiced are no more relevant and elements of duplication existed. We are now doing an organisational structure outfit and optimistically KD MALAYA should be transforming into a lean and mean outfit in the near future with blessings from MTL.

Putting it in the right perspective KD MALAYA core business is all about Property and Environment Management. It is timely then to adopt best practises in such market domains. Generally all the above problems deliberated invariably are inter related to processes and procedures. To be street wise we should have adopted best practises in such field. ISO 14001 the International Standards for Property and Environment Management should then be the template used for all shore bases in striving for quality services. KD MALAYA is ISO 9001: 2000 certified but needless to say we are still far from providing quality services. The only wise thing to do next is to embark upon ISO 14001. We have set our sight to be the benchmark organisation in Base Management. ISO 14001 seems to be the way ahead, the cutting edge to be beyond lean and ultimately STRIVING FOR QUALITY SERVICES. S



A systematic counter service provides fast and timely procedure of information processien.

for upgrades, renovation and maintenance seems not to have any basis but instead is more personality driven. I reckon we have not given much emphasis in this. It is not really how much we spend that matters, rather it is how wisely we spend is the concern. It is all about Return of Investment and admittedly we have failed in this.

Sambutan Hari



TLDM

ke-

71

Oleh : LK KNA Iswardi Bin Rashidi
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL



Dalam meniti usia perkhidmatan yang menjangkau 71 tahun, TLDM semakin matang dalam membentuk sebuah organisasi yang berjaya dan berkualiti selaras dengan hasrat pemimpin tertinggi melalui visi TLDM, "Untuk Menjadi Tentera Laut Yang Berkualiti". Bagi merealisasikan hasrat tersebut, TLDM "Sedia Berkorban" dalam memberi kerjasama dan bantuan yang terbaik kepada masyarakat demi kemakmuran negara. Kesungguhan TLDM dalam memberi bantuan dan kerjasama ini dapat dilihat melalui beberapa program serta acara sempena sambutan hari TLDM peringkat Kementerian Pertahanan yang lepas.

Acara bermula dengan projek jiwa murni yang diadakan di Rumah Anak Yatim Tengku Budriah, Cheras. Antara projek yang dijalankan pada hari tersebut ialah kerja-kerja mengecat sekolah serta kediaman penghuni Rumah Anak Yatim Tengku Budriah termasuk gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran rumah, menyiapkan pondok serbaguna, membina kerusi batu dan menyiapkan peralatan BBQ untuk kegunaan mereka. Di samping menabur bakti kepada mereka yang kurang bernasib baik, TLDM secara tidak langsung dapat menjalin hubungan silaturrahim bersama anak-anak yatim Tengku Budriah. Ini jelas terbayang melalui kegembiraan yang terpancar di wajah mereka sewaktu bersama-sama melakukan aktiviti yang telah dirancang. Semangat yang ditunjukkan oleh TLDM ini wajar diteruskan bagi membuktikan bahawa dalam kesibukan menunaikan kewajipan terhadap tugas yang telah diamanahkan sama ada di laut mahu pun di darat, TLDM tetap akan memandang serius serta menitikberatkan perihal kebajikan masyarakat serta kemakmuran negara sentiasa terjamin dan terbela.

TLDM juga tidak terlepas pandang untuk berbakti kepada insan-insan serta pesakit yang memerlukan bantuan darah agar golongan ini dapat meneruskan kehidupan mereka. Sumbangan ini telah dilaksanakan dengan jayanya melalui Program Derma Darah yang diadakan di Dewan Segabuna Kementerian Pertahanan. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan oleh para penderma dari kalangan warga ATM serta awam. Pada hari tersebut, program derma darah ini telah berjaya mengumpul sebanyak 200 unit pek darah. Kejayaan yang merupakan kerjasama antara TLDM dengan Pusat Darah Negara ini sedikit sebanyak dapat membantu menangani masalah kekurangan bekalan darah yang sering dihadapi di Pusat Darah Negara. Aktiviti ini sememangnya telah menjadi acara wajib dan diteruskan tradisinya pada setiap kali sambutan Hari TLDM diadakan.

Aturcara program sambutan Hari TLDM diteruskan pada pada keesokan hari dengan Majlis Bacaan Yassin

dan Tahlil serta Doa Selamat. Majlis khas ini telah menjadi rutin tahunan dan diadakan untuk mendoakan kesejahteraan serta memperingati jasa pengorbanan bekas anggota dan warga TLDM yang telah pergi meninggalkan kita. Komitmen yang diberi melalui program ini jelas menunjukkan bahawa TLDM tidak pernah lupa kepada anggotanya yang telah menabur jasa dan bakti demi untuk berkhidmat kepada negara tercinta. Sesungguhnya pengorbanan mereka tetap akan dikenang dan menjadi ingatan sepanjang hayat. Semoga Allah merahmati dan mencucuri rahmat ke atas roh mereka.

Acara kemuncak sambutan Hari TLDM ialah pada 27 April, iaitu di Perbarisan Hari TLDM ke-71. Perbarisan yang diadakan di perkarangan hadapan bangunan KD SRI KLANG telah dihadiri oleh semua warga TLDM yang berkhidmat di kawasan Lembah Klang dan dilangsungkan dengan penuh adat istiadat ketenteraan. Perbarisan ini juga turut disempurnakan dengan perutusan oleh Panglima Tentera Laut pada masa itu, Laksamana Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor yang telah disampaikan oleh Laksamana Pertama Dato' Pahlawan Danyal Bala Gopal bin Abdullah.

Perutusan tersebut antara lainya menerangkan tentang beberapa kejayaan yang telah dikecapi oleh TLDM dalam mengharungi era globalisasi yang lebih mencabar seiring dengan tema hari TLDM pada kali ini, **"Kepimpinan Berkesan TLDM Gemilang"**. Pegawai dan anggota TLDM juga diseru agar perlu lebih kompetitif serta seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini. Tegasnya lagi, pencapaian TLDM dalam usaha untuk mempertingkatkan pembangunan sumber manusia yang direalisasikan melalui program *E-Learning* di Kolej Tentera Laut Diraja, jelas menunjukkan kemajuan dan kesungguhan pasukan ini dalam menyahut cabaran yang lebih berani di zaman yang serba moden ini. Secara tidak langsung, program ini merupakan satu pelaburan terbaru TLDM bagi mempertingkatkan sistem pembelajaran agar lebih bersepadu dengan mengoptimumkan perkembangan teknologi negara. Perkembangan ini juga akan menjadikan Kolej Tentera Laut Diraja sebagai sebuah organisasi pembelajaran yang berkesan serta dapat mencapai matlamat TLDM untuk menjadikan kolej tersebut sebagai Kolej Bistari menjelang 2010.

Panglima Tentera Laut juga turut menekankan perlunya kesedaran di kalangan anggota TLDM tentang penjagaan aset pertahanan negara yang berharga berbilion ringgit yang telah diamanahkan oleh kerajaan Malaysia kepada TLDM. Dengan adanya kesedaran ini diyakini boleh mengelakkan pembaziran dan penyelewangan daripada berlaku. Tambahnya lagi, untuk membentuk sebuah angkatan yang kental dan berwibawa, nilai-nilai murni seperti berbudi bahasa dan berhemah tinggi juga perlu diterapkan di setiap sanubari anggota TLDM dalam ketegasan mereka melakukan tugas harian.

Dalam perutusan yang sama, Panglima Tentera Laut turut mengumumkan berkenaan kenaikan jawatannya ke Panglima Angkatan Tentera, manakala jawatannya sebagai Panglima Tentera Laut akan disandang oleh Timbalannya, Laksamana Datuk Ilyas bin Hj Din. Sekaligus, sambutan hari TLDM yang ke-71 pada kali ini telah mencatatkan sejarah yang tidak akan dapat dilupakan oleh warga TLDM khasnya dan ATM amnya. Semoga dengan perubahan pucuk pimpinan baru TLDM dan ATM ini akan menjadikan TLDM sebagai sebuah organisasi yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang. **S**



Cost Benefit ANALYSIS

By : Lt Cdr Dilagar Muthumani Chockalingam RMN
Photo : Cawangan Perhubungan Awam MTL

Cost-benefit analysis (CBA) is the systematic gathering of technical and financial data about a given business situation or function. Information gathered and analysed



Cost can be tangible and intangible in RMN Capability Development.



Maintaining an equipment can be expensive. Therefore, other alternative should be constantly searched for in order to reduce cost and increase benefits.

through this method assists decision-making about resource allocation. CBA specifies financial inputs and expected returns from a given project. It compares 'with' and 'without' situations. The results of this analysis can be used to evaluate alternative options. CBA is now being adopted in the Royal

Malaysian Navy (RMN) to support a bid for management endorsement and resource allocation.

What are costs?

Costs are anticipated expenditure. They can be tangible, and therefore quantifiable, or intangible and less easy to assign a dollar figure. Costing a project is difficult and advice from financial staff is needed. Attempt to provide a RM figure for each cost. When quantifying costs that will be encountered in the future, we must consider whether inflation should be factored in. Gathering as much relevant data as possible will ensure accurate results. Even so, some costs may need to be estimated, as clear-cut figures may not be available. The use of 'best guess' estimates is valid for intangible costs, as they will have to be, by definition, estimations. When this is necessary, ensure that the assumptions used to assign a dollar figure are stated.

Tangible or quantifiable costs


Information on the level of staff expertise and training required to undertake the proposed project and its expected time frame are tangible costs. Cost types include:

- ◆ Direct project costs (eg staff, office space)
- ◆ Acquisition costs(eg purchase of technology)
- ◆ Implementation costs (eg loss of productivity)
- ◆ Whole of life ownership costs (eg operating costs, maintenance, Upgrade / replacement of facilities, staff, training and support)
- ◆ Disposal costs (to include environmental implications).

For example, the RMN conducted a CBA on the Navy tugboat operations where costs include acquisition, maintenance, spares, operations, human resource and utility.

Intangible or non-quantifiable costs

Costs associated with intangibles, although not easy to quantify, needs to be recognized as they can impact on the overall costs of the project under consideration. The cost-benefit analysis should acknowledge non-quantifiable costs, even if they are not



factored into the calculations in the analysis. Depending on the project, some intangible costs to consider may include :

- ◆ The impact of non-compliance with legislation
- ◆ Impaired knowledge management
- ◆ Diminished corporate memory
- ◆ The impact of not achieving best practice standards
- ◆ Potential litigation costs due to inadequate records management and information management
- ◆ Reduced accountability in decision-making and actions
- ◆ Reduced organizational productivity.

Taking the same example, intangible costs for the RMN tugboat operations in will be the flexibility in operations, productivity, efficiency, lost of opportunity and security.

What are benefits?

Benefits are the returns expected from a project. Most benefits are articulated in terms of improvements or cost savings. Like costs, benefits can be quantifiable (tangible) and non-quantifiable (intangible). Attempt to provide a dollar figure for each benefit. Again, when quantifying benefits that will be achieved in the future, consider whether inflation should be included. Again, we should seek advice from financial staff. Secondary benefits may also be derived from a project that is, benefits that will be achieved because other benefits were delivered. They must be practical and realistic. The best way to achieve this is to investigate benefits over a reasonable time frame.

Intangible or non-quantifiable benefits

Intangible benefits are not-quantifiable improvement in the 'welfare' of the organization. These are valuable tools in convincing management to undertake a proposed project. Intangible benefits include :

- ◆ Compliance with governance obligations.
- ◆ Achieving best practice standard.
- ◆ Managing risks.
- ◆ Improved policy formation and delivery.
- ◆ Increased organizational productivity.

A cost-benefit analysis also can be used to identify the costs and benefits that would accrue to the organization. The following ideas on the costs and benefits could be considered in such an analysis. Types of costs that should be considered include in CBA are :

- ◆ Acquisition and maintenance of equipment.
- ◆ Upgrade, redesign or enhancement of current networks.
- ◆ Acquisition, testing and maintenance of software.
- ◆ Development and delivery of training for support staff and users.

- ◆ Conversion of records from current system.
- ◆ System administration

CBA also support most financial analytical methods such as Life Cycle Costing (LCC). It is defined in Corporate Finance, Financial Management and Management Costing. In short CBA is an analytical tool, analogous to financial decision making in the private sector. It is now adopted as part of the RMN decision-making process in our approach on capability development, to take into account the broader set of benefits and costs. Effectively, it calculates the present value of net costs and benefits indicating the decision that obtains the greatest benefit at least cost.

CBA provides much useful information to the RMN's policy-making processes. In simple terms, by knowing the amount of resources we consume, we can save and can get the value for our money for the product or services we invested in - in another word, getting the best return for our investment (ROI). CBA should not be used as a one-dimensional test of desirability (Economic), but rather used concurrently with some other decision-making concerns, which may include Political, Economic, Social, Technological, Environment and Legal.

S



Operating equipment can be expensive, consider more options such as rental and leasing in order to avoid excessive spending.

PUSAT KEPIMPINAN

“Lahirkan Anggota Berketerampilan...”

Oleh : Lt Mazliza Bt Maaris TLDM
Foto : Caw Perhubungan Awam MPL

Bertempat di Kolej Tentera Laut Diraja, Pangkalan TLDM Lumut, Markas Pendidikan dan Latihan TLDM (MPL TLDM) telah mendapat mandat untuk melaksanakan pelancaran Pusat Kepimpinan, Buku Pendidikan Islam dan 'Passage Plan' TLDM secara serentak dan dirasmikan oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor.

Selaras dengan “Deklarasi Pernyataan Arah TLDM” yang menekankan kepada konsep visi dan misi, ketiga-tiga elemen dilancarkan serentak kerana ianya saling berkait rapat dalam mencapai tahap organisasi TLDM yang mantap dan disegani ramai.

TLDM telah menetapkan visi barunya untuk “Menjadi Tentera Laut Berkualiti” (yang bermaksud kecemerlangan operasi untuk menjadi deteren yang kredibel dan mempunyai kelebihan kompetitif). Visi ini adalah satu manifestasi organisasi yang sentiasa inginkan kemenangan dan penghasilan perkhidmatan yang lebih berkualiti.

Dalam mencapai visi tersebut, TLDM telah mensasarkan misi organisasi iaitu “Menyedia dan Mengatur Gerak Angkatan Laut Untuk Melindungi Kepentingan Maritim Malaysia Semasa Aman dan Memastikan Kemenangan Ketika Perang”.

PUSAT KEPIMPINAN TLDM

Objektif mewujudkan Pusat Kepimpinan TLDM adalah untuk membangunkan sumber manusia yang berkualiti dan seterusnya melahirkan pemimpin TLDM yang mendokong misi dan visi TLDM. TLDM sedar dan yakin tentang kepentingan kepimpinan dalam organisasinya. Ini jelas termaktub dalam pernyataan arah TLDM yang meletakkan objektif pembangunan kepimpinan yang efektif sebagai teras di bawah matlamat kedua iaitu membangunkan tenaga kerja berkualiti.

Pusat ini akan bertanggungjawab menjana model kepimpinan yang diperlukan TLDM dan seterusnya menghasilkan konsep pelaksanaan program kepimpinan berlandaskan



Perasmian dilakukan oleh YBhg bekas Panglima Tentera Laut.

penanda aras bertaraf dunia. Pusat ini juga seterusnya akan menjadi pemangkin dalam mengkaji dan menjana strategi untuk menyediakan pemimpin di semua lapisan yang berkemampuan dalam menghadapi cabaran di era dunia yang penuh saingan melalui penambahbaikan berterusan.

Dengan terwujudnya pusat kepimpinan TLDM ini akan dapat merintis jalan bagi mengorak langkah dalam mengimplementasikan segala keperluan program kepimpinan yang diwar-warkan bagi mencapai visi dan misi TLDM. Pusat ini seterusnya akan dipertanggungjawabkan untuk memperkasa setiap lapisan pemimpin dengan ilmu kepimpinan dan seterusnya menghasilkan para pemimpin TLDM yang berkaliber.

Piagam Penubuhan Pusat Kepimpinan adalah :

- * Menjana pemimpin TLDM yang cemerlang, berpengetahuan, inovatif dan berwawasan bagi mendukung visi dan misi TLDM.
- * Mereka bentuk model dan konsep kepimpinan TLDM.

* Mewujud dan melaksanakan latihan dan program pembangunan kepimpinan untuk semua peringkat kepimpinan TLDM.

* Melaksana dan mengkoordinasi kajian untuk mengenalpasti isu berkaitan kepimpinan.

* Melaksanakan penanda aras berterusan bagi mendapatkan amalan dan budaya kepimpinan terbaik untuk tujuan penambahbaikan.

* Memberi khidmat nasihat berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

* Menyediakan program, perkhidmatan dan aktiviti sokongan berkaitan kepimpinan khas bagi tujuan menyokong projek / inisiatif baru.

* Mewakili TLDM di dalam aktiviti luar berkaitan kepimpinan untuk tujuan kebaikan bersama.

Dalam upacara tersebut, **Kdr Muhammad Ridzwan bin Abd Rahman TLDM** diumumkan sebagai Pengarah Pusat Kepimpinan TLDM yang pertama. **S**

Lawatan Ke

Surabaya

Oleh Lt M Shahruzikri bin Jalil TLDM

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL

Pegawai Waren Tadbir
Perhubungan Awam TLDM
Klas Tenaga Laut

Bagi warga Kolej Tentera Laut Diraja, lawatan ke Surabaya, Indonesia adalah 'bonus' setelah setahun bekerja bertungkus lumus. Dengan diketuai oleh Panglima Markas Pendidikan dan Latihan, lawatan ini memberi peluang kepada semua pihak terutama bagi Pegawai Dalam Latihan untuk melawat negara luar serta memanfaatkan pengalaman tersebut sebagai salah satu kelebihan menyertai Tentera Laut Diraja. Surabaya yang terletak di utara Indonesia telah lama menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia. Justeru, lawatan ini juga tidak lain dapat mengeratkan lagi hubungan yang telah sedia terjalin.

Pelayaran yang bermula dari Pangkalan TLDM Lumut pada pagi yang indah itu mengambil masa selama 4 hari untuk sampai ke Pelabuhan Tanjung Perak di Surabaya. Pelayaran di atas kapal MV FAJAR SAMUDERA dan KD HANG TUAH digunakan juga oleh Leftenan Muda pengambilan ke-52 sebagai peluang untuk memperoleh sijil kelayakan ONC (*Offshore Navigation Certificate*) dan ANC (*Astro Navigation Certificate*) bahagian 2. Secara keseluruhan, peluang menyertai pelayaran kali ini digunakan sepenuhnya untuk memberi pendedahan kepada semua Pegawai Dalam Latihan tentang rutin semasa di atas kapal dan juga memberi peluang kepada Pegawai Kadet Pengambilan ke-54 untuk mempraktikkan teori dalam kelas kepada praktis semasa situasi sebenar.

Semasa tiba di Surabaya, rombongan dari Malaysia disambut oleh rombongan Tentera Nasional Indonesia dengan meriahnya. Majlis koktel yang dianjurkan bersama juga tidak kurang meriah di samping merapatkan lagi hubungan dua hala yang telah lama terjalin. Semasa majlis ini berlangsung, persembahan-persembahan dari Pegawai Dalam Latihan seperti dikir barat, boria, joget, dan tarian ulik mayang yang telah berjaya

memikat hati penonton ketika itu.

Peluang melawat Akademi Laut Indonesia digunakan untuk menyaksikan Perbarisan Tamat Latihan dan *Sunset Ceremony* dari Pegawai Kadet Tentera Laut Indonesia. Persembahan formasi yang agak sukar dan sangat menarik dari Pegawai Kadet Tentera Laut Indonesia ini adalah hasil latihan intensif selama 3 bulan. Ianya memberi inspirasi kepada Pegawai Kadet Kanan untuk membuat yang terbaik bagi Perbarisan Tamat Latihan mereka nanti. Oleh kerana jadual yang agak padat dengan masa yang terhad, perlawanan bola sepak dan bola tampar persahabatan yang dijadualkan terpaksa dibatalkan.

Walaupun terikat dengan jadual aktiviti yang padat, peluang untuk bersiar-siar dan membeli-belah tidak dilepaskan. Tempat-tempat yang menarik seperti Pasar Turi, Persuruen, Jambatan Merah, Pusat membeli-belah dan Kampung Doli menerima kunjungan dari kami. Pakaian, barang-barang tradisional dan barang-barang cenderahati boleh didapati dari tempat-tempat ini dengan harga yang amat berpatutan. Ada juga yang mengambil peluang membeli barang-barang perabot yang dikatakan agak murah harganya. Keadaan di tempat-tempat ini tidak jauh berbeza dengan suasana budaya masyarakat Malaysia cuma keadaan yang sesak dan panas agak kurang menyenangkan.

Secara keseluruhannya, objektif pelayaran ke Surabaya ini mencapai objektif yang diinginkan. Ianya memberi peluang kepada 2 budaya bagi mengeratkan tali silaturrahim yang telah sedia terjalin di samping memberi pendedahan kepada Pegawai Dalam

Latihan tentang cara hidup masyarakat luar negara dan pengalaman berada di laut. **S**






THE TEAM NAVY A





PEOPLE

Samudera 



Jemaah Tertinggi BAKAT (LAUT) Beralih Peneraju

Oleh : Lt Rabayah bt Rahmat TLDM

Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL



Memikul tanggungjawab sebagai pemimpin bukanlah satu tugas yang boleh dipandang ringan. Pelbagai onak duri dan cabaran pasti ditempuhi, seiring dengan peralihan zaman dan keadaan. "Pegang bara api biar sampai ke pangkal lengan", begitulah semangat dan jati diri yang boleh dilihat kepada semua pengerusi BAKAT (Laut) yang patut kita banggakan. Namun demikian, bagi jawatan selaku Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (Laut) yang jauh lebih hebat dan mencabar ini telah diterima dengan penuh hormat dan berbesar hati oleh YBhg Datin Meryam @ Noraini binti Harun pada 3 Mei 2005.

Majlis Serah Terima Tugas sebagai Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (Laut) telah berlangsung dengan rasminya bertempat di bilik mesyuarat Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan. Kini, BAKAT (Laut) secara keseluruhannya telah beralih angin dengan pertukaran pucuk pimpinannya daripada YBhg Puan Sri Datin Sri Siti Hapsah binti Omar kepada YBhg Datin Meryam @ Noraini binti Harun pada pagi yang bertuah itu. Puan Sri Datin Sri Siti Hapsah telah menyerahkan kuasa tertinggi ini kepada Datin Meryam @ Noraini dengan disaksikan 11 ahli Jemaah Tertinggi BAKAT (Laut) yang lain. Puan Sri Datin Sri Siti Hapsah telah mengikut suami beliau, YBhg Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Mohd Noor yang bertukar keluar dan memulakan tugas baru sebagai Panglima Angkatan Tentera sejak penghujung April yang lalu. Manakala bagi Datin Meryam @ Noraini pula, jawatan baru ini diambil alih setelah suami beliau diperjajatkan sebagai Panglima Tentera Laut mulai 28 April 2005. Tahniah diucapkan kepada Datin Meryam @ Noraini, semoga usaha beliau untuk lebih memperkasakan perjuangan badan kebajikan ini diberkati Tuhan dan setiap urusan dapat dilaksanakan dengan jaya, baik serta berkesan malah memberi manfaat kepada setiap



Menandatangani dokumen serah terima tugas
Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT (Laut)

pihak yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak, Insya-Allah.

Walaupun masih agak terkejut dengan peralantikan ini, Datin Meryam @ Noraini teguh berikrar akan meneruskan perjuangan walaupun ia bakal menuntut komitmen jitu yang tidak berbelah bahagi terhadap tanggungjawab yang dipikul. Dalam pada itu, kerjasama dan sokongan setiap ahli amatlah diperlukan bagi memastikan aktiviti/kegiatan badan ini dapat diteruskan dengan lancar dan urusan kebajikan para isteri turut terpelihara. Justeru, pelbagai aktiviti menarik terutamanya yang berunsur kebajikan dilakukan dalam usaha mewujudkan dan mengamalkan budaya masyarakat penyayang yang prihatin di kalangan para isteri. Kesemua aktiviti ini bertujuan menggalakkan para isteri mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti yang bermanfaat dengan harapan agar para isteri lebih peka terhadap keadaan sekeliling dan sentiasa maju ke hadapan seiring perkembangan semasa dunia masa kini di samping menjadi tulang belakang kepada suami.

-“BERSAMA BERBAKTI”-S



Bergambar kenangan bersama ahli jemaah tertinggi
BAKAT (Laut)



Di kalangan warga kita, stamina fizikal yang berkurangan adalah satu topik hangat diperkatakan di kalangan jurulatih sukan. Kekurangan stamina ini adalah disebabkan kurangnya bersukan dan pengambilan makanan yang tidak seimbang. Namun demikian, perkara ini dapat diatasi dengan latihan dan bimbingan serta disiplin yang baik. Apa yang dipersoalkan kini adalah stamina mental. Stamina ini, walaupun tidak berkaitan dengan makanan atau pun latihan, ianya penting untuk menjana stamina fizikal. Ada yang berpendapat stamina mental ini boleh diatasi dengan akhlak yang murni. Mereka berpendapat akhlak yang murni memberi daya saing mutlak untuk mengatasi segala bala fizikal dalam konteks 'mind over matter'. Akan tetapi, mampukah akhlak memberi stamina dalam

kan samada tidak menepati tujuan ataupun tidak matang untuk diketengahkan. Akibatnya, perkara ini mungkin memudaratkan sesuatu keadaan yang boleh merugikan harta kerajaan ataupun menimpa warga yang malang.

Contoh yang lain adalah semasa melaksanakan suatu hasil nukilan minda sendiri, hasil tersebut tersadai akibat kehilangan stamina mental untuk meneruskan inisiatif tersebut. Puncanya berkemungkinan inisiatif tersebut harus meredah beberapa isu yang rumit ataupun kemungkinan inisiatif tersebut memerlukan masa yang lama untuk matang. Walaupun inisiatif tersebut dapat diperbaiki organisasi, ianya tidak dapat diketengahkan akibat stamina mental yang lemah. Stamina mental juga dapat dilihat semasa berinteraksi. Ada yang terus naik berang kerana tidak mendapat sokongan ke atas suatu pendapat. Kadangkala kemarahan yang

Ramai yang akan menasihatkan supaya melebihi membaca. Akan tetapi, bacaan sahaja tidak akan menepati tujuan. Tekniknya bacaan lebih penting, jika tidak, kita akan terjerumus dan terperangkap dengan 'one sided facts'. Kita harus membaca dengan luas dan mendalamkan pengetahuan kita. Semasa membaca kita akan dapat melihat beberapa per-canggahan pendapat dari beberapa lapisan penulis. Dari itu, kita harus membaca dengan mata yang tajam dan minda yang terbuka (*sharp eyes and reflective mind*).

Kita juga harus meluaskan pengalaman, tanpa mengahadkan diri daripada risiko. Semasa menjangkau pengalaman, pengalaman pahit harus dijadikan pedomam untuk menguatkan lagi stamina mental. Pengalaman pahit ini akan menyediakan kita untuk menghadapi cabaran dalam situasi yang memerlukan stamina mental. Kita juga harus bergaul dengan semua lapisan tanpa diskriminasi.



STAMINA MENTAL SATU KEPERLUAN

Oleh : Lt Kdr Martin Anandarajah Sebastian TLDM
CSU-MBA (Aust), MCIT(Uk) DELF (Fr) CQM (USA)

'Modern (action) calls for an intelligent use of initiative by subordinates, and it is certain that the subordinate who grasps the broad situation most clearly will solve the local situation most intelligently'
Carl Von Clauswitz

kesemua aspek yang memerlukan stamina minda? Marilah kita renungi bersama beberapa senario di mana stamina minda kita dicabar.

Dalam kehidupan, kita sering kehausan dan ketandusan daya mental dalam hal-hal yang memerlukan percambahan minda. Percambahan ini kadang kala diperlukan dalam suatu senario ataupun hanya melaksanakan suatu inisiatif. Misalnya, semasa mendalami suatu subjek yang memerlukan percambahan minda, ramai daripada kita 'jump start' dan terus mara ke barisan hadapan. Namun, setelah situasi menjadi padat dan genting akibat maklumat bercanggah, kita berundur ke dalam suasana selamat. Suasana seterusnya di mana percambahan minda berhenti dengan serta-merta. Isu yang dibincang-

tidak terkawal mengakibatkan kecederaan pada diri sendiri dan orang lain. Kemarahan ini juga akan melibatkan kerjaya individu tersebut kelak. Apakah isu-isu yang memudaratkan stamina mental dan bagaimanakah harus kita mengatasinya? Di sini ada beberapa petua.

Ramai daripada kita terperangkap dengan istilah 'ambil jalan senang' ataupun 'play safe'. Kita ingin menjadi sebahagian kita tidak ingin merempuh arus. Ini bukan maknanya kita harus menjadi radikal dalam setiap pemikiran kita. Cuma satu ketetapan untuk bercambah minda dengan efektif. Pepatah Melayu, 'Pak / Mak Turut' tepat kepada mereka yang tidak ingin merempuh lautan minda untuk mencari jalan penyelesaian yang pasti. Pepatah Inggeris, 'There are people who make things happen and there are people who watch things happen'.

Kemahiran sosial akan menjana stamina mental semasa berinteraksi supaya kita memahami keadaan di sekeliling (*situational awareness*).

Sewaktu situasi bahaya dalam konflik peperangan, stamina mental diperlukan untuk mengatasi rintangan (*friction*). Stamina mental akan diperlukan bukan sahaja untuk konfiden diri malah kekuatan stamina mental seseorang ketua, dapat menentukan 'cohesiveness' pasukannya berada pada tahap yang tinggi. Sejarah peperangan telah membuktikan bagaimana pasukan yang kuat telah dikalahkan kerana hanya kerana pasukan mereka telah menjadi mangsa 'war fatigue'. Dari itu, marilah kita sama-sama tentukan supaya stamina mental kita pada tahap yang tinggi. Biar malas badan jangan malas minda. **S**

THE MILITARY PSYCHOLOGY

By : Lt Abu Yazid bin Haji Abu Bakar RMN
MEd Counseling (UKM) BA Psychology (Michigan)
Staff Officer Psychology & Counseling, RMN HQ

The field of military psychology is defined by the area of its context of application – the military. Military psychology is a microcosm of all psychology disciplines and consequently offers opportunities to psychologists of all persuasions, including but not limited to those who wish to spend their career or a portion of it in a military uniform, either the Army, Navy, or Air Force. It offers the opportunity to make a significant difference in the lives of individuals, in the operation of large organizations, and in the stability of one's nation. A small sample of the types of contributions that can be made by military psychologists include working in mental health or family counseling clinics to improve the lives of service personnel and their families, performing research to select recruits into the service and assign them to one of many possible jobs, and analyses of humanitarian and peacekeeping missions to determine procedures that could save military and civilian lives.

Historically, military psychology was born in the First World War. At the start of the war, a group of psychologists headed by the president of the American Psychological Association (APA), Dr. Robert M. Yerkes, met to discuss how psychology could assist in the war effort. The successful program of mental testing of recruits with the Army Alpha and Beta examinations, which resulted in the appropriate placement of new soldiers into military jobs and officer training, is indelibly identified as the genesis of military psychology. It also served as the subsequent model for group intelligence testing for both military and civilian applications. Psychologists during that time addressed many other issues such as measurement of troop morale and assimilation into the military, development of

special trade tests to assess skills like combat leadership and flying aptitude, assessment of emotional instability, and measurement of human performance. Immediately after the war, psychologists conducted surveys to assess the attitudes of soldiers including their opinions about their own military service.

This particular psychological field matured in World War II, with the reestablishment of a psychological research program soon after the war broke. Former areas of inquiry were revisited, and many new ones were added; for instances, military leadership, the effects of environmental factors on human performance, military intelligence, psychological operations and warfare, selection for special duties, and the influences of personal background, attitudes and the work group on soldier motivation and morale. Fifty years since the World War II, military psychological research has continued its tradition of innovation and establishment of extensive programs. To illustrate, military psychologists in the US Armed Forces have continuously participated in large social policy programs designed to increase diversity and equal opportunity. These programs include integrating racial and ethnic groups, reducing sexual discrimination and harassment, employing women in combat and in work settings originally designed for men, utilizing low capability recruits and rehabilitating juvenile delinquents, drug testing, and psychological treatment for personal lifestyle problems. The major areas of work performed by military psychologists may be broken out in a variety of ways including personnel selection and classification, training, human factors, leadership and team effectiveness, clinical, survey research, and the study of environmental stressors. These areas involve all of the major disciplines within the field of psychology including clinical, industrial/organizational, educational, experimental, and social. The detailed areas of military psychological work can be categorized as such :

• **Selection and Classification.** Critical applications within the military are the screening and selection of entry-level enlisted and officer personnel, the appropriate classification and career placement of personnel, and the selection

for special-skill jobs such as pilots, air traffic controllers, marine embassy guards, submariners, and special operations personnel. Research emphases are to develop more comprehensive assessment of ability and skills using microcomputers and simulators, and to evaluate the potential of new non-cognitive constructs such as social intelligence and the contributions of motivation and values. The areas of research include the development and application of occupational analysis techniques to create military job structures, and the creation of procedures for conducting evaluations of enlisted and officer performance.

• **Training.** This area seeks to develop the most effective and efficient means to train military enlisted and officer personnel and to increase operational readiness. Major applications for research are training for basic skills (i.e. reading, mathematics), military skills (i.e. infantry, seamanship), technical skills (i.e. electronics, foreign languages), and special areas (i.e. flight training, underwater demolition). Additionally, as military systems become more technologically complex, there is increasing focus on techniques for team training and for training special skills.

• **Human Factors Engineering.** The goal of this area is to design the human-machine interface to improve functioning of military systems and equipment. Early research concentrated on taxonomies of human performance and changing equipment design to enhance human performance. As systems have become more complex, emphasis has shifted toward improving human performance by reducing operator workload, reducing the impact of acute stress (as in battlefield conditions), and greater use of job aids. A major focus is on enhancing human decision-making through the use of artificial intelligence and expert systems.

• **Environmental Stressors.** Military personnel often have to work under adverse operational conditions such as sustained operations without sleep; environmental extremes (noise, heat, cold or high altitude); vehicles that induce high acceleration, vibration, stress, or motion sickness; and hazardous atmospheric conditions (toxic fumes; radiological, biological, or chemical warfare). This area addresses both the maintenance of health and the enhancement of performance during stressful military missions. Research is conducted on the interface of equipment, environments, and personnel through a combination of laboratory studies and field experiments in extreme environments.



Sea training enhances competency and increases mental strength.

• **Leadership and Team Effectiveness.** This area addresses the efficient operation of military leadership and units in wartime and the requirements for maintaining the capability in peacetime. One branch of research in this area concerns effective leaders, including their selection, training and evaluation, performance at face-to-face troop levels, and executive-level policy making. A subset of this work concerns political-psychological issues such as study of the behaviour of world leaders. A second branch of research involves the study of team processes such as team structure, communication, subordinate-supervisor relations, team cohesion, the functioning of small groups, and tactical decision-making. Of current concern is the assessment and improvement of communication among multinational forces.

• **Individual and Group Behaviour.** Work in this area studies the relationship of people to the variety of settings within this unique military environment, starting with acculturation to military life and spanning an individual life course decisions. Specific research topics include organizational commitment, development of careers, quality of life and satisfaction, military families, morale and cohesion, epidemiology, maladjustive behaviours including substance abuse, attrition from military service because of unsuitability, willingness to remain in military service, and the stress of military life including the serious psychological reactions in the aftermath of combat. Potential problems with service personnel may be ameliorated using techniques from the other research areas, such as training for situations in-volving high stress and trauma.

• **Clinical.** Included in this area are clinical practice and research. Military clinical psychologists are commissioned officers who provide mental health services and counseling to active duty personnel and their families within the unique military environment. They conduct psychological testing and applicant assessment for general fitness-for-duty and for highly sensitive jobs requiring security clearances. They



Education plays significant role in providing information and knowledge to young officers.

also manage programs addressing specific issues such as substance abuse, family related problems including child abuse, stress reduction, and the promotion of health and wellness. Their jobs may involve providing consultation to military commanders on improving both the performance and mental health of individuals, and the organizational effectiveness and readiness of units.

• **Survey Research.** In this area psychologists collect data through applied research and studies as well as analyze existing databases, in order to give support to decision makers within the individual military services or within the Ministry of Defence Headquarters. Researches include conducting surveys to determine the propensity to enlist in the military and managing the retention of military personnel. In addition, analyses of large military databases are conducted to address specific questions raised by the executive branch and military policy makers; for instance, survey analysis to provide assistance to military manpower planners dealing with force reductions.

• Special Subjects and Situations.

Because the military mission is unlike that of any other organization, it generates unique requirements for field and laboratory research and practice by psychologists. Only the military has to deal with issues concerning returning prisoners-of-war, hostage situations, specialized military forces, reserve readiness, military intelligence, personnel security and psychological

operations, and the conduct of humanitarian missions, as reflected by the increased emphasis on peacekeeping missions and seeking solutions to disagreements that do not involve armed conflict. Military psychologists study the performance of peacekeeping and multinational forces and also seek political solutions to reducing tension and maintaining peace.

Presented with all these psychological applications, people may ask whether it is really relevant to have such a 'complicated' line of service in the military. I, personally believe that it is necessary. To understand why, let just focus on one specific work area of military psychology, that is to study the overall impact of environmental stressors on military personnel. Environmental stressors incorporate with disorganized individual and group behaviour could easily create a 'time-bomb', waiting to explode. Problems involving unattended stress caused by environmental factors, unjustified working relationship, disorganized line of communications, and low morality and job satisfaction have been somewhat associated with high disciplinary cases rate (i.e. AWOL, drugs and other substances abused), increase of family and social mishaps (i.e. broken up of family institutions), and high turnover rate of service personnel. Do all these problems associated with the failure of human being to cope with environmental stressors sound familiar? Of course, because it is happening in our military environment; hence, the necessity to have a suitable and proper 'tool' to deal with it is always there. After all, if the field was not effective and relevant at all, I wonder why so many military organizations of the developed nations had committed to have their own establishments (for instance, it is believed that the U.S. PENTAGON hires not less than 3000 psychologists to work in different areas and in various departments and locations). There must be a very good reason for doing so, isn't it? **S**



Physical activities developed esprit de corps among personnel.

SKUADRON FRIGAT KE-23

Flotilla Penyerang Terhebat

Oleh: Lt Mohamad Fairuz Bin Hassan TLDM
Penolong Pegawai Peperangan KD JEBAT

Skuadron Frigate ke-23 terdiri daripada Kapal Diraja JEBAT (29) dan Kapal Diraja LEKIU (30). Merupakan skuadron flotilla penyerang dalam Armada TLDM. KD JEBAT telah dilancarkan pada 3 Disember 1994 dan ditauliahkan pada 11 November 1999 manakala KD LEKIU pula telah dilancarkan pada 27 Mei 1995 dan ditauliahkan pada 7 Oktober 1999 di Yarrow Shipyard, Scotland. Nama JEBAT dan LEKIU telah dipilih berdasarkan keperwiraan pahlawan Melayu tersohor iaitu Hang Jebat dan Hang Lekiu pada zaman Kesultanan Kerajaan Melayu Melaka dalam kurun ke-15.

Skuadron ini mempunyai tanggungjawab sebagai barisan hadapan pertahanan negara dalam apa jua konflik yang melibatkan kedaulatan maritim. Untuk melaksanakan tugas yang diper-tanggungjawabkan, KD JEBAT dan KD LEKIU telah dilengkapi dengan persenjataan dan kelengkapan elektronik yang tercanggih di Asia Tenggara pada masa ini. Organisasi kapal dalam skuadron ini terdiri dari

Jabatan Operasi, Jabatan Kejuruteraan Marin, Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Senjata, Jabatan Bekalan dan Jabatan Tadbir.

Fungsi utama Jabatan Operasi ialah melaksanakan operasi peperangan dan menghadapi ancaman semasa suasana peperangan. Jabatan ini mengandungi cawangan Peperangan Atas Air, Peperangan Bawah Air, Navigasi dan Komunikasi. Kapal dalam skuadron ini telah dilengkapi dengan sistem pemerintahan dan kawalan (CWCS) NAUTIS termaju yang berupaya menyalur dan mengintegrasikan serta memberi gambaran maklumat yang seterusnya membantu konsol kawalan Peperangan Anti Udara, Peperangan Atas Air, Peperangan Bawah Air dan Peperangan Elektronik di Pusat, Informasi Tempur (CIC).

Aspek persenjataan melibatkan keupayaan kapal menghadapi ancaman daripada udara, permukaan dan bawah permukaan. Untuk menghadapi ancaman permukaan, kapal-kapal dalam skuadron ini dilengkapi dengan 8 buah misil permukaan ke permukaan (SSM) *Exocet* MM40 Block 2. Sebagai per-

senjataan utama, kapal ini mempunyai meriam *Bofors* 57mm Mk 2 yang berupaya memusnahkan sasaran permukaan jarak dekat dan berupaya memberi bantuan tembakan untuk operasi amfibia (NGS). Selain itu, meriam 30mm yang dilengkapi di sisi kanan dan kiri kapal juga mampu memberi perlindungan dari ancaman permukaan dan udara. Sebagai sebuah kapal yang mampu melaksanakan serangan yang agresif, kapal ini juga dilengkapi persenjataan sebagai pertahanan diri. Misil anti udara iaitu *Vertical Launch Seawolf* (VLSW) mampu memusnahkan sasaran udara samada misil anti kapal (ASM) atau pesawat udara. Untuk dimensi peperangan bawah permukaan, 2 buah pelancar torpedo ILAS 3 untuk melancarkan torpedo A244S dilengkapi di sisi kapal dan berupaya menghadapi ancaman daripada kapal selam musuh.

Sistem pengesanan dan penderia yang dilengkapi di kapal ini dapat membantu Tim Pemerintah (*Command Team*) mendapatkan maklumat dan gambaran terkini berkenaan situasi taktikal. Kapal dalam skuadron ini dilengkapi dengan radar pemantauan DA 08 dan SG150 *Sea Giraffe*, 20V90 *Racal Decca* berfungsi sebagai radar navigasi, 2 buah radar penjejak 1802 SW dan peralatan elektro optik iaitu *Electro Optical Tracking System* (EOTS). Dimensi peperangan elektronik pula dilengkapi dengan MENTOR sebagai *Electronic Support Measure* (ESM) dan MAIGRET TELECON yang mampu melaksanakan pintasan dan mengesan pancaran radio. Sonar SPHERION pula merupakan





penderia dalam melaksanakan peperangan bawah permukaan. Kapal *frigate* dalam skuadron ini dilengkapi dengan hangar yang mampu membawa sebuah helikopter *Super Lynx*. Pada masa ini, helikopter *Super Lynx* diletakkan di kapal sekiranya terlibat dalam sesuatu operasi atau eksesais sebagai aset organik. Walaubagaimanapun, penyelenggaraannya pada masa ini diletakkan di bawah tanggungjawab KD RAJAWALI.

Jabatan Kejuruteraan Marin pula bertanggungjawab terhadap pengoperasian enjin dan jentera untuk memastikan kapal terus berupaya melaksanakan misinya. Kuasa gerak kapal terdiri daripada 4 buah enjin MTU 20V 1163 TB 93 dari jenis *Combined Diesel and Diesel* (CODAD). Ianya mampu memberi keupayaan kepada kapal untuk bergerak pada kelajuan ekonomi 18 knot dan maksima 30 knot. Selain itu juga, sebagai memenuhi keperluan operasi dan domestik, 4 buah jentera janakuasa iaitu MTU 396 TB 54 membekalkan kuasa elektrik kepada kapal. Sistem pemantauan jentera termaju iaitu *Machinery Control and Surveillance System* (MCAS) membantu dan memudahkan anggota kapal memantau jentera dengan lebih cepat dan cekap. Semua kelengkapan ini dipantau dan dikawal oleh Bilik Kawalan Jentera dan Papan Suis atau *Machinery Control and Switchboard Room* (MCSR).

Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Senjata pula merupakan jabatan yang mempunyai jumlah keanggotaan terbesar dan bertanggungjawab untuk memastikan segala Sistem Kombatan, Sistem Komunikasi dan Sistem Pengagihan Kuasa berada pada tahap yang baik. Sistem Pemerintahan dan Kawalan Senjata *Naval Autonomous Integrated System* (NAUTIS) membantu integrasi pelbagai peralatan elektronik supaya penyampaian data lancar tanpa sebarang pertindihan dan mesra pengguna.



KD JEBAT & KD LEKIU di jeti Pangkalan TLDM Lumut.

Jabatan Bekalan pula bertanggungjawab memastikan bekalan logistik dan pelbagai keperluan warga kapal cukup pada setiap masa. Untuk memenuhi fungsi dan keperluan tersebut, jabatan ini terbahagi kepada 5 bahagian iaitu Stor Teknikal, Stor Am, Katering, Pewiga dan Gaji. Logistik yang berterusan merupakan keperluan utama dalam memenuhi operasinya.

Stor teknikal bertanggungjawab untuk mendapatkan keperluan alat ganti dan stok kapal. Bahagian ini bertanggungjawab kepada lebih 6,000 peralatan pelbagai jenis yang terdapat di kapal. Stor Am pula memastikan keperluan seperti makanan, pakaian dan keperluan am anggota kapal dipenuhi. Gaji dan elaun warga kapal pula diletakkan di bawah tanggungjawab bahagian gaji, selain merancang perbelanjaan tahunan kapal. Katering pula memikul tanggungjawab menyediakan sajian kepada warga kapal. Tugas ini amat mencabar kerana makanan merupakan aspek moral yang perlu diberi perhatian utama dengan bekalan makanan yang terhad dan ini ditambah lagi sekiranya kapal berada dalam tempoh yang lama di laut. Selain itu anggota dari Jabatan Bekalan juga terlibat dalam

operasi khas di laut seperti ulang bekal di laut atau *Replenishment At Sea* (RAS), Stesen Penerbangan, Kawalan Kerosakan dan Melawan Api iaitu *Damage Control and Fire Fighting* (DCFF) dan pertolongan kecemasan.

Jabatan Tadbir merupakan jabatan yang mempunyai jumlah keanggotaan terkecil di kapal. Walaubagaimanapun, jabatan ini keseluruhannya memainkan peranan dan tugas yang besar di kapal. Jabatan ini megkoordinasi segala operasi jabatan-jabatan yang lain dan bertanggungjawab terhadap pentadbiran harian warga kapal selain menguruskan bahagian Sumber Manusia untuk memastikan kitaran anggota yang bertukar masuk dan keluar dari kapal berjalan dengan lancar tanpa menjejaskan operasi kapal. Seorang anggota perubatan bertanggungjawab menguruskan perkhidmatan kesihatan dan kes-kes perubatan kecil di kapal. Seorang jurulatih jasmani pula menguruskan aktiviti jasmani warga kapal untuk memastikan anggota kapal berada dalam keadaan sihat dan cergas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Ustaz pula bertanggungjawab untuk mengurus dan mengkoordinasikan aktiviti-aktiviti ke-rohanian di kapal supaya warga kapal mempunyai tahap pengetahuan agama yang seimbang.

Secara keseluruhannya, skuadron ini mempunyai susur galur pengurusan yang lengkap untuk memastikan kapal dalam skuadron ini dapat berfungsi sepenuhnya dalam keadaan yang baik. Antara cabaran utama skuadron ini adalah memastikan tahap pengetahuan dan kesiagaan anggota dari skuadron ini berada pada tahap yang positif dan anggota cukup mahir dalam kemahiran dan kepakaran masing-masing. Ini bertujuan membiasakan anggota supaya sentiasa bersiap-sedia dalam apa jua keadaan. **S**



Bersedia untuk melakukan penembakan A 244S.

PEPERANGAN ANTI KAPAL SELAM

Oleh: Lt Kdr Baharudin bin Wan Md Nor TLDM

(BAHAGIAN 2)



KD JEBAT & KD LEKIU turut dilengkapi dengan Sistem Sonar & Torpedo ringan.

Peperangan Anti-Kapal Selam di Luar Kawasan Operasi (ASW Outside the Area of Operation)

Bagi menggagalkan sesuatu operasi yang dijalankan oleh pihak musuh, biasanya kapal selam perlu memasuki kawasan operasi musuh. Satu lagi sebab yang tidak kurang pentingnya ialah kerana di sinilah selalunya terdapat sasaran yang paling "berharga", atau unit yang paling penting bagi pihak musuh. Dalam situasi tertentu, kapal selam tersebut mungkin terpaksa melalui jarak yang jauh sebelum memasuki kawasan operasi musuh. Pelayaran menuju kawasan operasi, atau *Transitting* ini ada kalanya memerlukan kapal selam tersebut melalui kawasan tertentu termasuk apa yang dikenali sebagai *Chokepoint* atau kawasan perairan yang menyempit seperti selat dan terusan. Keadaan ini akan memberikan kelebihan kepada pihak musuh dalam usaha mereka untuk menyekat kemaraan ataupun memusnahkan terus kapal selam tersebut.

Sebagai contoh, bayangkan situasi di mana TLDM sedang menjalankan satu operasi untuk merampas semula Pulau Langkawi yang telah ditawan oleh pihak musuh, manakala kapal selam tentera laut pihak musuh pula datang dari arah Laut China Selatan. Bagi menggagalkan operasi TLDM, kapal selam musuh perlu memasuki kawasan operasi TLDM dan mencari sasarannya (kapal perang TLDM). Ini memaksa mereka mara melalui Selat Melaka, berkemungkinan dari arah selatan. Untuk menghalang kemaraan angkatan laut musuh terutamanya kapal selam mereka, TLDM boleh melaksanakan strategi

"Peperangan Anti-Kapal Selam di Luar Kawasan Operasi" iaitu dengan menugaskan kapal-kapal perang dan kapal terbang peronda maritim khusus untuk menunggu dan seterusnya menyekat kemaraan atau memusnahkan terus kapal selam musuh sewaktu mereka melalui bahagian selatan Selat Melaka seperti di sebelah barat perairan Melaka dan Negeri Sembilan. Keadaan perairan ini yang sempit dan cetek bukan sahaja menghadkan ruang untuk mereka bergerak, malah turut menghalang kapal selam tersebut dari menyelam dan bersembunyi.

Pada peringkat ini, operasi anti-kapal selam umumnya dilaksanakan dengan tujuan untuk menghalang kapal selam musuh dari memasuki kawasan operasi dan seterusnya merumitkan keadaan di kawasan operasi sebenar. Sekiranya kapal selam tersebut tidak dapat mencari sasarannya ataupun menggagalkan operasi yang sedang atau akan dilaksanakan oleh lawannya, objektif pihak lawan dalam peperangan anti-kapal selam telahpun tercapai. Antara operasi anti-kapal selam yang biasa dilaksanakan dalam peringkat ini termasuklah apa yang dikenali sebagai *Defensive Perimeter Operation*, *Choke Point Operation* dan *Barrier Operation*.

Peperangan Anti-Kapal Selam Dalam Kawasan Operasi (ASW Inside the Area of Operation)

Kemungkinan walau sekecil manapun bahawa terdapatnya kapal selam musuh di dalam kawasan operasi kita telah cukup untuk mengukir-kacirkan keadaan. Ketidaktentuan ini akan memaksa

Kapal-kapal perang yang berkeupayaan dan ditugaskan untuk mencari dan menyerang kapal selam musuh dipanggil "Search and Attack Unit" (SAU) atau dengan nama kodnya "Cowboys"

komander tentera yang bertanggungjawab untuk menyalurkan semula sebahagian besar sumber dan aset yang ada di bawah pemerintahan beliau untuk menangani ancaman tersebut. Keadaan ini bukan sahaja akan mengurangkan sumber yang ada pada beliau, tetapi turut memberi kesan negatif terhadap keupayaannya mencapai misi asal yang telah diberi. Sungguhpun ia bukanlah satu keadaan yang menyenangkan, situasi ini tetap berkemungkinan berlaku. Kebanyakan kapal selam sememangnya dibina khas untuk mengelak dari dikesan dan seterusnya menembusi sistem pertahanan musuh sebelum memusnahkan sasaran yang dipilih.

Kejayaan operasi anti-kapal selam, khususnya di dalam kawasan operasi memerlukan tahap koordinasi dan prestasi yang amat tinggi antara unit, sistem penderia, sistem persenjataan, pemprosesan dan analisis maklumat, taktik serta kemahiran warga kapal terbabit. Kebiasaannya kehadiran kapal selam hanya dapat dikesan/jejak untuk tempoh beberapa saat sebelum ia kembali menghilangkan diri. Malah bukanlah sesuatu yang luar biasa sekiranya posisi yang menjadi rujukan untuk mencari kapal selam musuh sebenarnya berasaskan kepada posisi mangsa terakhir kapal selam

tersebut. Titik rujukan ini dikenali di kalangan mereka yang ahli dalam peperangan anti-kapal selam sebagai *Flaming Datum*.

Kapal-kapal perang yang berkeupayaan dan ditugaskan untuk mencari dan menyerang kapal selam musuh dipanggil *Search and Attack Unit (SAU)* atau dengan nama kodnya *Cowboys*. Pada masa yang sama ketika operasi mencari dan menyerang kapal selam tersebut oleh unit-unit yang ditugaskan berlangsung, unit-unit lain perlu mengelakkan diri masing-masing dari menjadi mangsa seterusnya di samping berusaha untuk mencapai misi asal yang telah ditetapkan. Selain itu, mereka juga perlu bergerak keluar dari kawasan berkenaan untuk mengelakkan diri dari mengganggu usaha-usaha mencari dan menyerang yang sedang dilancarkan oleh unit-unit terbabit.

Proses ini biasanya mengambil masa yang panjang dan jarang-jarang sekali berhasil memusnahkan kapal selam. Namun begitu, ia tetap penting untuk menggagalkan misi kapal selam dengan mengganggu pelaksanaan operasinya. Bagi memastikan bahawa unit-unit lain terus mendapat perlindungan di samping mengelakkan pembaziran daya usaha, proses ini dibahagi kepada 2 pelan, iaitu pelan untuk mencari (*Search Plan – Plan Black*) dan pelan untuk menyerang (*Attack Plan – Plan Red*). Untuk membolehkan serangan dilancarkan, kapal selam tersebut perlulah terlebih dahulu ditemui. Sekiranya ia berjaya ditemui dan dijejaki, serangan akan dilancarkan bertubi-tubi sehingga ia musnah atau kembali hilang. Sekiranya sebaliknya yang berlaku (kapal selam tidak dapat ditemui) proses ini akan dihentikan selepas mengambil kira faktor-faktor

tertentu dan unit-unit yang ditugaskan tadi akan kembali menyertai unit-unit yang lainnya. Secara taktikalnya, operasi yang dijalankan sewaktu ancaman kapal selam wujud di dalam kawasan operasi termasuklah apa yang dikenali sebagai *Operational Manoeuvre, Transit Screening, Force Protection* dan *Reactive Counter-attack*.

Mengesan dan Memusnahkan Kapal Selam

Seperti yang kita ketahui, kelebihan utama kapal selam ialah keupayaannya untuk mengelak dari dikesan. Berdasarkan teknologi semasa, medium utama dan yang dianggap terbaik untuk menjejaki kapal selam ialah bunyi. Sistem yang menggunakan bunyi ini dikenali sebagai sistem sonar. Pada asasnya, sistem sonar berfungsi dengan memancarkan bunyi pada sesuatu objek (kapal selam) dan menerima pantulan bunyi tersebut. Memandangkan kelajuan bunyi di dalam air boleh diketahui, masa yang diambil untuk bunyi tersebut bergerak dari sumber/pemancar dan dipantulkan oleh objek tertentu boleh dikira untuk mendapatkan jarak objek tersebut dari sumber/pemancar berkenaan. $[Jarak (meter) = Kelajuan (meter / saat) \times Masa (saat)]$. Arah kedudukan objek tersebut pula diketahui berasaskan sudut baringan ketika berlakunya pantulan tersebut relatif kepada posisi kapal (sumber/pemancar).

Selain daripada penggunaan sonar,




Kelebihan taktikal sering berpihak kepada kapal selam. Gambar dari "periscope" yang diambil tanpa disedari oleh kapal sasaran.

terdapat juga teknik-teknik lain yang digunakan untuk mengesan dan seterusnya memusnahkan kapal selam musuh. Teknik-teknik yang tidak berasaskan bunyi yang dikenali sebagai *non-acoustic sensors* ini termasuklah memanipulasikan medan magnet semulajadi bumi (*Magnetic Anomaly Detection – MAD*), radar, satelit, infra-merah, mata kasar dan sebagainya. Namun begitu prinsip asasnya tetap sama. Prinsip asas ini terbahagi kepada 3 fasa iaitu :

- **Pengesanan (*Detection*).** Kehadiran kapal selam dikesan melalui sebarang sumber termasuklah maklumat perisikan, gambar satelit, sistem pengesanan dasar laut, laporan penglihatan oleh orang awam dan sebagainya. Pada peringkat ini, posisi, haluan dan kelajuan (arah pergerakan) kapal selam belum dapat diketahui, justeru ia masih belum boleh diserang.

- **Memastikan Kedudukan (*Localisation*).** Pada peringkat ini kedudukan kapal selam telah dapat dikenal pasti pada satu kawasan yang cukup kecil untuk membolehkan penjejakan dimulakan dan dalam keadaan tertentu serangan dilaksanakan (contohnya menggunakan peledak nuklear yang mempunyai kawasan liputan kemusnahan yang cukup besar). Walaubagaimanapun, pada peringkat ini peluang untuk serangan yang dilancarkan berjaya masih tipis kerana posisi, haluan dan kelajuan kapal selam berkenaan belum dapat dipastikan dengan sebenarnya.

- **Membidik (*Targeting*).** Apabila posisi, haluan dan kelajuan kapal selam tersebut telah dapat dipastikan, proses membidik akan dimulakan. Sekiranya ketiga-tiga komponen yang disebutkan (posisi, haluan dan kelajuan) telah dapat diketahui dengan tepat, kemungkinan untuk serangan yang dilancarkan berjaya adalah jauh lebih tinggi. Selain itu, serangan juga boleh dilancarkan berulang kali sehingga kemusnahan kapal selam tersebut dapat dipastikan. **S**



Peperangan Anti Kapal Selam memerlukan keupayaan yang khusus, berteknologi tinggi dan kompleks.

LAMAN WEB TLDM

Berwajah Baru

<http://navy.mod.gov.my>

Olleh : LK KNA Saifulnizam bin Ahmad Jasmani

Laman web TLDM dibangunkan dengan menggunakan Sistem Pengurusan Kandungan atau *Content Management System* (CMS). Laman web ini menggunakan perisian MAMBO (tm) sebagai portal kepada semua muka yang anda lihat. CMS memberikan TLDM cara yang terbaik untuk pentadbir laman mengurus kandungan dan menyediakan satu carian yang unik. Carian tersebut membolehkan pelawat mencari keseluruhan maklumat yang terkandung di dalam laman ini.

Laman web ini berkonsep informatif yang mengutamakan berita dan informasi terkini serta mudah untuk dicapai. Selain itu, terdapat juga ciri-ciri interaktif yang membolehkan pengguna berinteraksi dalam laman ini.



Laman web ini bertujuan untuk memberi maklumat dan pendedahan tentang TLDM kepada para pengunjung samada pelawat awam,


warga ATM malah anggota TLDM sendiri. Apa yang menariknya tentang laman web yang baru ini ialah anda boleh mendaftar ke laman ini dan mencapai berbagai fungsi yang disediakan.

Laman ini menyediakan 2 bahasa pilihan iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Terdapat 9 fungsi utama disediakan iaitu :

- ☐ Menu Utama
- ☐ Peta Laman
- ☐ Muat turun
- ☐ Pautan
- ☐ Forum
- ☐ Bukutamu
- ☐ Syor
- ☐ Hubungi
- ☐ Carian

Dalam Menu Utama, anda boleh mencapai maklumat berkenaan berita dan peristiwa semasa yang berlaku dalam TLDM. Selain itu, pelbagai maklumat seperti aset TLDM, maklumat markas dan unit, profil TLDM, kerjaya, Pasukan Simpanan





Sukarela TLDLM dan penglibatan TLDLM boleh diperolehi. Sekiranya anda memerlukan berita yang telah berlalu, anda boleh memperolehi-nya daripada ruangan arkib. Anda juga boleh melayari ruangan galeri untuk melihat gambar-gambar aktiviti yang berlaku di dalam TLDLM.

Bagi membolehkan anda melayari keseluruhan laman ini dengan mudah, ruangan Peta Laman turut disediakan. Setiap tajuk atau perkara disusun dengan teratur agar senang untuk dilayari oleh pengguna.

Pada menu Muat Turun, anda boleh memuat turun Majalah SAMUDERA, video berkaitan TLDLM serta dokumen seperti teks ucapan dan sebagainya.

Anda boleh bertukar-tukar fikiran dan pendapat serta bertanyakan soalan-soalan yang berkaitan di dalam ruangan forum. Anda juga boleh mencadangkan berita dan memuat turun fail yang dikehendaki. Namun ada juga fungsi yang memerlukan pengesahan dari 'webmaster' sebelum boleh dipaparkan untuk tatapan semua pelawat. Pelawat lain boleh menghubungi anda



melalui e-mel atau Mesej Peribadi (tetapi hanya untuk pengguna berdaftar sahaja).

Bagi memudahkan pelawat yang mengunjungi laman web ini, pautan ke laman web rasmi Kementerian Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia, Tentera Darat Malaysia dan Tentera Udara Diraja Malaysia turut disediakan. Selain pautan tersebut, terdapat juga pautan ke laman lain yang mungkin berguna

seperti Khidmat Negara dan LIMA.


Fungsi carian turut disediakan untuk memudahkan pengguna mencari maklumat diperlukan. Fungsi ini memberikan pilihan kepada pengguna mencari maklumat menggunakan kata kunci berdasarkan frasa, semua perkataan atau sebarang perkataan.

Anda juga boleh mengisi buktamu untuk memberi sebarang komen dan maklum balas berkenaan laman web ini. Selain itu, anda digalakkan memberikan cadangan pada menu Syor untuk menambahkan baikkan laman ini. Cadangan dan komen anda amat dialu-alukan!

Untuk maklumat lanjut, sila lawati laman web TLDLM di alamat **HYPERLINK**

"http://navy.mod.gov.my"

Selamat mencuba! **S**



assalamualaikum,
the website is become better than before and would like to congrates to TLDLM. Anyway, I have read about the pegawai graduan and just wondering can people from overseas apply the job online? There is no utusan malaysia over the sea, so can u please give me details how to apply if we are not in malaysia but will be back to malaysia soon. Many thanks! really interested with the later news and one more thing, is that position only open for male participant?

Komen Pentadbir: Sebenarnya iklan tersebut hanya meminta anda memajukan salinan siji-siji dan keputusan transkrip ketika belajar di universiti. Ianya boleh dihantar melalui pos sahaja. Tapi akan dibuat. Kemudian barulah dipanggil untuk temuduga. Sekiranya belum grad tak boleh mohon sebab takde sijil lagi.

Tantangan Pada: Rabu 22 Jun 2005 05:00:31 MYT

Laman web menggunakan Mambo memang bagus, untuk pembangunan Mambo dalam Bahasa Melayu, sila sertai kami di Mambo Malaysia

(MyMambo,OR0 - Laman Tejemahan Rasmi Mambo Malaysia)

Tantangan Pada: Rabu 22 Jun 2005 03:21:20 MYT

Sekiranya dapat menu khas untuk bekas ahli TLDLM mensasarkan alamat dan kontek no mereka supaya dapat berhubung

Komen Pentadbir: Fungsi baru telah diwujudkan di dalam laman ini. Pendaftaran kini menggunakan satu proses yang lebih ketat dan maklumat yang lebih banyak

Armada Square

Oleh : Lt Kol (B) Hatimtai Bin Haji Jaafar



Gambaran Pintu Masuk Utama Armada Square - Ilustrasi Artis

Selaras dengan pembangunan pesat yang sedang dirancang di pangkalan TLDM Lumut, tidak terkecuali pihak pengurusan PERNAMA yang memiliki bangunan "Armada Square" mengambil pendekatan dan pembaharuan untuk melakukan pengubahsuaian dan pembinaan semula ke atas bangunan ini sejajar dengan pertumbuhan pesat warga pangkalan dewasa ini. Kerja-kerja pengubahsuaian telah giat dan sedang dijalankan sejak bulan April lalu dan dijangka akan memakan masa 8 bulan.

Bangunan yang dijangka siap sebelum penghujung tahun 2005 ini pastinya akan lebih menyediakan pelbagai perkhidmatan baru yang akan lebih berdaya saing dan menarik. Di antara pertumbuhan prasarana yang akan dibina adalah Pusat Boling (Bowling Centre) dan Pusat Medan Selera yang telah diubah mengikut reka bentuk terkini yang lebih moden dan eksklusif. Bagi lain-lain perkhidmatan

Pangkalan TLDM Lumut terkenal dengan kebersihan dan keindahan kawasanannya. Ditambah dengan prasarana yang amat mengagumkan serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas yang pasti menjadi kebanggaan warganya. Antara tempat yang sering menjadi tumpuan warga pangkalan TLDM Lumut ialah "Armada Square" yang terletak di tengah perumahan hutan batu warganya, merupakan gedung membeli-belah bagi warga pangkalan untuk mendapatkan barang keperluan harian mereka.

yang telah sedia ada di "Armada Square" seperti kedai-kedai pakaian, kedai gunting, pusat snooker dan lain-lain perkhidmatan akan dikekalkan seperti yang sedia ada. Pusat-pusat rekreasi untuk golongan remaja, bujang, kanak-kanak dan keluarga juga akan diadakan. Semua prasarana yang akan dibina adalah bagi memenuhi permintaan dan keperluan semasa warga Pangkalan TLDM Lumut.

Namun, kemudahan-kemudahan asas tetap tersedia biarpun masih dalam proses pembinaan dan tidak siap sepenuhnya apabila pihak PERNAMA mengambil langkah bijak dengan menyediakan khemah-khemah di hadapan bangunan tersebut bagi kemudahan pelanggan berurusan membeli-belah.

Adalah diharapkan dengan perubahan dan langkah yang diambil oleh PERNAMA akan memberi lebih keselesaan dan kemudahan pada warga pangkalan sejajar dengan hasrat kerajaan dalam usaha membina lebih banyak prasarana dalam mewujudkan kesejahteraan hidup warga TLDM khususnya dan ATM amnya. \$

SKIM PERKHIDMATAN BARU PEGAWAI ANGKATAN TETAP DAN ASKAR LASKAR ANGKATAN TETAP ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

Oleh : Lt Kdr Aminuddin Bin Hj Abdul Rashid TLDM
PS 2 Dasar Perkhidmatan MTL

Selaras dengan aspirasi bagi memantapkan pengurusan organisasi dan mutu perkhidmatan ATM, kerajaan baru ini telah memutuskan untuk meminda syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Angkatan Tetap dan Askar Laskar Angkatan Tetap Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Skim perkhidmatan baru yang diwujudkan untuk Pegawai Angkatan Tetap ialah Gred Z15, Z17/Z18, Z19/Z20, Z22, Z24, Z26 dan Z28 manakala bagi Askar Laskar Angkatan Tetap pula ialah Gred Z1, Z3/Z4, Z5/Z6, Z8, Z10, Z12 dan Z14.

Dalam konteks ini, syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Angkatan Tetap ATM yang berkuat kuasa melalui Sistem Saraan Malaysia (SSM) telah dipinda dengan menggugurkan syarat kelayakan masuk Ijazah Sarjana Muda Am dan memperuntukan Kelayakan Masuk Pelbagai (KMP) peringkat Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian mengikut bidang, sebagai salah satu syarat lantikan terus ke jawatan Lt TLDM atau setaraf.

Syarat-syarat Perkhidmatan Askar Laskar Angkatan Tetap yang berkuatkuasa melalui SSM pula dipinda dari "tamat Tingkatan Tiga Sekolah Menengah Bantuan Penuh Kerajaan (SMBPK)" kepada skim perkhidmatan

berbentuk KMP dengan syarat lantikan Penilaian Menengah Rendah / Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Kemahiran Malaysia (PMR / SPM / SKM).

Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pegawai dan Askar Laskar Angkatan Tetap ini, Ketua Perkhidmatan akan mengeluarkan surat tawaran opsyen kepada semua pegawai/anggota Angkatan Tetap masing-masing bagi membolehkan mereka membuat pilihan. Pegawai Angkatan Tetap dan Askar Laskar Angkatan Tetap ATM yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pegawai Angkatan Tetap dan Askar Laskar Angkatan Tetap ATM mengikut mana yang berkenaan dan pilihan yang dibuat adalah muktamad.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan skim perkhidmatan baru ini tidak melibatkan perubahan kepada kaedah penetapan kelayakan elaun dan kemudahan yang ditetapkan berdasarkan pangkat. Namun begitu bagi Askar Laskar Angkatan Tetap berpangkat Laskar Kelas II atau setaraf hingga Laskar Kanan atau setaraf, mereka akan menerima Imbuhan Tetap Khidmat Tentera sebanyak RM80.00 sebulan bermula daripada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru ini iaitu 1 Oktober 2004. **S**

CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI PEGAWAI BERPANGKAT KEPTEN (GRED Z26)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Oktober 2004
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Gred Z26 (RM)	Gaji Gred Z26 Baru (RM)	Catatan
30 Sept 2004	5021.16 (P2T3)		Gaji akhir di gred asal
1 Okt 2004	5021.16 (P2T3)	5427.25 (P2T4)	Tarikh kuat kuasa pertukaran perantikan. Gaji permulaan pertukaran perantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai
1 Okt 2005	5622.06 (P2T5)		TPG jawatan baru. Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM

CONTOH KAEDAH PELARASAN GAJI BAGI ASKAR LASKAR BERPANGKAT PEGAWAI WARAN II (GRED Z12 BAND 3)

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Oktober 2004
Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Gred Z12 Band 3 (RM)	Gaji Gred Z12 Baru (RM)	Catatan
30 Sept 2004	1606.15 (P1T4)		Gaji akhir di gred asal
1 Okt 2004	1606.15 (P1T4)	1654.02 (P1T2)	Tarikh kuat kuasa pertukaran perantikan. Gaji permulaan pertukaran perantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai
1 Okt 2005	1733.88 (P1T3)		TPG jawatan baru. Pergerakan gaji biasa mengikut keputusan PPSM

TOKOH MAAL HIJRAH

ATM TAHUN

2005

Oleh : BK PBS(I) Sabarudin Bin Abas
Foto : Cawangan Perhubungan Awam MTL

Personaliti SAMUDERA pada keluaran kali ini ingin menampilkan 2 orang tokoh Maal Hijrah bagi tahun 2005, iaitu **Laksma Dato' Pahlawan Ir Hj Jasan**

Ahpandi bin Sulaiman yang telah dianugerahkan sebagai pemenang Anugerah Wira Maal Hijrah manakala **PW 1 TLR Ahmad Tarmizi bin Ismail** merupakan tokoh yang memenangi kategori Anugerah Bilal Ibnu Robah. Majlis penyampaian anugerah itu telah berlangsung dengan jayanya pada 25 Mac 2005 dan disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri iaitu YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak merangkap Menteri Pertahanan Malaysia yang diadakan di auditorium Kementerian Pertahanan. Dalam majlis yang sama, Masjid Thoriq Ibnu Ziad dari KD SULTAN ISMAIL di Tg Pengelih, Johor telah diistiharkan sebagai pemenang anugerah masjid / surau contoh.

Bagi **Tokoh Anugerah Wira Maal Hijrah** ini yang sedang memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah Cawangan Kejuruteraan Markas Tentera Laut, Laksma Dato' Ir Hj Jasan Ahpandi bin Sulaiman merupakan seorang pegawai Kanan TLDM yang telah berkhidmat lebih dari 30 tahun. Beliau sememangnya seorang yang berwibawa dan berketerampilan dalam

karier. Mengimbas kembali latar belakang beliau sejak awal, bekas penuntut Universiti Teknologi Malaysia dan Maktab Tentera Diraja ini telah mempunyai pelbagai sijil dan ijazah kecemerlangan dalam bidang pendidikan di samping menghadiri kursus dalam dan luar negeri. Bukan saja cemerlang dalam tugas, malah amat aktif dalam aktiviti keagamaan dan sering melibatkan diri dengan kerja-kerja ilmiah. Menurut beliau, kewajipan melaksanakan tuntutan tugas dan agama mesti seiring dan seimbang bagi menentukan kejayaan dalam segala bidang yang diceburi. Sewaktu bertugas di Itali pada tahun 1997, beliau bukan saja berperanan sebagai ketua pasukan projek korvet, malah lebih menjurus kepada ketua agama dan memainkan peranan penting dalam membimbing anggota bawahan ke arah usaha memartabatkan syiar Islam di bumi asing. Menurut beliau lagi, cabaran yang dipikul amat mencabar dalam usaha menegakkan syiar Islam di kalangan anggota bawahan kerana tiada staf agama yang khusus dilantik di sana.

Tegas beliau, tanpa pegangan agama yang teguh serta tekun melaksanakan segala tuntutan Islam, pasti anggota akan lupa dan alpa dari menunaikan tanggungjawab masing-masing sebagai seorang muslim. Untuk merealisasikan ini, beliau tidak jemu membimbing anggota bawahannya dan berbagai aktiviti dijalankan antaranya menganjurkan ceramah-ceramah agama, mengadakan solat jumaat dan solat berjemaah, sembahyang raya dan lain-lain. Di samping itu, aktiviti luaran juga seiring seperti mengadakan sambutan Maal Hijrah, Maulidur Rasul dan forum keagamaan. Beliau berpendapat, setiap anggota mestilah mengamalkan cara hidup Islam sejati walau di mana berada, apatah lagi bertugas di rantauan kerana masyarakat luaran akan menilai sejauh mana tahap



Laksma Dato' Pahlawan Ir Hj Jasan
Ahpandi bin Sulaiman



PW 1 TLR Ahmad Tarmizi bin Ismail

keislaman yang ada dalam setiap diri seseorang muslim.

Beliau yang telah berkahwin dengan Datin Suriyani bte Kadar dan mempunyai 4 orang anak sesungguhnya bersyukur dengan anugerah tersebut dan menganggap itu adalah satu penghormatan besar ATM padanya. Menurut beliau lagi, segala usaha murni untuk menegakkan syiar Islam adalah satu amanat yang perlu dilaksanakan oleh setiap Islam mengikut keupayaan masing-masing, apatah lagi seseorang yang bergelar pemimpin. Beliau yang kini dilantik sebagai Pengerusi Badan Hal Ehwal Agama Islam Kawasan (Laut) BAHEIK berkata, isteri beliau merupakan orang yang banyak memberi perangsang dan sokongan dalam tugas dan sentiasa menyokong serta membantu memartabatkan syiar Islam demi kepentingan agama dan negara. Anugerah Wira Maal Hijrah yang dimenangnya itu adalah perintis dari kejayaan beberapa tokoh yang terdahulu antaranya ialah Kepten Hj Mohamad Imran bin Hj Abdul Hamid TLDM.

Beliau yang juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Masjid An Nur di Pangkalan TLDM Lumut menegaskan bahawa untuk menjadi muslim sejati, setiap anggota perlu mendalami ilmu agama dan memakmurkan masjid dengan aktiviti keagamaan serta mempraktikkan segala yang dipelajari kerana itulah bentuk sumbangan yang paling berharga terutama pada masyarakat. Katanya lagi, di peringkat pemimpin pula, banyak langkah yang boleh dilakukan antaranya memperbanyakkan majlis keilmuan serta mengalakkan lagi anggota mendalami ilmu keagamaan, meningkatkan kemudahan prasarana yang sedia ada bagi keselesaan dan tarikan pada anggota beribadat dan



Menerima sijil penghargaan dari YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan.



Pegawai Waren 1 TLR Ahmad Tarmizi bin Ismail bergambar kenangan bersama para pemenang.

menjalankan aktiviti keilmiah. Penekanan pada golongan yang baru dalam perkhidmatan juga perlu kerana dewasa ini banyak terdedah dengan aktiviti kurang sihat seperti gejala dadah, khalwat dan sebagainya. Biarpun hanya segelintir yang terlibat dengan aktiviti tidak bermoral, namun sudah cukup untuk mencemarkan imej TLDM dan ATM amnya. Ibarat nila setitik, rosak susu sebelanga.

Namun begitu, pengiktirafan sebegini secara tidak langsung akan mengikis persepsi buruk masyarakat selama ini dan mengakui bahawa TLDM dan ATM amnya sentiasa prihatin dan serius dalam usaha penerapan ilmu kerohanian pada setiap warganya, ujamnya mengakhiri perbualan.

Pemenang **Anugerah Bilal Ibnu Robah**, PW 1 TLR Ahmad Tarmizi bin Ismail pula merupakan seorang yang sederhana dan sentiasa menitikberatkan hal keagamaan dalam kehidupan sehariannya. Dilahirkan pada 7 Jun 1964 di Pendang, Kedah dan memasuki perkhidmatan TLDM pada 13 Feb 1984 di Woodlands, Singapura. Diserapkan kepakaran sebagai Teknisyen Letrik Radio, beliau amat komited dengan tugas dan pernah menjalani pelbagai kursus kepakaran di dalam dan luar negara, antaranya kursus MCMV, kursus senggaraan Periuk api MR 80 dan kursus *Transfers Of Technology* (periuk api) di Itali. Dalam usaha mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat, beliau menekankan bahawa ilmu kerohanian dan keagamaan, satu kewajipan yang perlu dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan individu dan akan menjadikan kita sebagai seorang muslim yang sejati. Beliau yang juga pernah menuntut di sekolah pondok di kampungnya itu, menegaskan tanpa ilmu agama, seseorang tidak akan berjaya dalam kehidupannya. Sepanjang perkhidmatan, beliau begitu aktif dalam aktiviti keagamaan dan telah mengikuti berbagai kursus berkaitan yang sering dianjurkan oleh unit dan pangkalan serta masih meneruskan pembelajaran pembacaan Al-Quran.

Di beberapa unit beliau yang terdahulu, pernah dilantik sebagai AJK

agama dan mengetahui pelbagai aktiviti keagamaan yang dijalankan. Tidak terhad samada unit pangkalan atau kapal yang diperjawatkan, beliau tetap melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai seorang muslim bukan hanya untuk dirinya sendiri malah lebih dari itu. Sependapat dengan Laksma Dato' Pahlawan Ir Hj Jasan Ahpandi, beliau menegaskan bahawa pendidikan dan pengetahuan agama di kalangan

anggota TLDM dan ATM amnya perlu dimantapkan lagi selaras menyahut seruan kerajaan untuk melaksanakan Islam Hadhari. Pengetahuan dan pendidikan yang kurang akan lebih menjurus kepada penglibatan anggota ke aktiviti kurang sihat seperti khalwat, dadah dan pelbagai gejala buruk. Beliau yang pernah mendapat anugerah Maal Hijrah peringkat Pangkalan TLDM Lumut pada tahun 2002, berbangga dengan pengiktirafan ini dan meyamarkan lagi hasratnya untuk berbakti pada masyarakat, agama dan negara. Cita-citanya adalah untuk terus berbakti pada masyarakat setempat setelah beliau menamatkan perkhidmatan kelak, ujamnya yang bakal menamatkan perkhidmatan dan akan menjalani latihan peralihan pada bulan Julai 2005.

Masjid Thoriq Ibnu Ziad di KD SULTAN ISMAIL Pangkalan TLDM Tanjung Pengelih pula diisytiharkan sebagai pemenang anugerah masjid/surau ATM contoh bagi tahun 2005. Berasal hanya dari sebuah surau sementara yang kecil terletak di Dewan Makan Laskar, kini berdiri megah tersergam indah menjadi kebanggan

warganya. Pada 25 Okt 2001, tercatat sejarah detik permulaan, bila ianya dibuka dan digunakan dengan rasminya. Bermula dari sinilah, pelbagai aktiviti dan kegiatan keagamaan diatur dan diselenggarakan bagi memakmurkan lagi fungsinya agar lebih berperanan dalam usaha menerap serta memartabatkan syiar Islam di kalangan anggota, terutama di kalangan anggota perajurit muda, antaranya dengan menganjur majlis aqiqah, ibadat korban, kursus jenazah, program JERI, kursus pra perkahwinan di samping pelbagai ceramah keagamaan. Dengan senarai ahli jawatan-kuasa di kalangan pegawai yang diketuai oleh Kdr Zainuddin bin Mat Zin TLDM sebagai pengerusi dan disokong pula oleh anggota AJK yang komited dan berpengalaman, jadual aktiviti bulanan masjid sentiasa padat dan dipenuhi dengan program lainnya seperti qiamullail, tahlil, kuiz agama, pembacaan Al-Quran, majlis berkhadam dan lain-lain.

Pengiktirafan yang diberikan telah menjadi titik tolak kepada pihak pengurusan dan AJK masjid untuk terus bekerja lebih keras dan gigih demi mengekalkan status sebagai masjid contoh. Beberapa cadangan penambahbaikan antaranya untuk mengadakan ruang solat berhawa dingin, kemudahan ICT, memasang papan elektronik paparan aktiviti harian masjid dan sebagainya telah dimajukan ke pihak atasan selaras untuk mewujudkan kecintaan dan menarik minat setiap lapisan anggota dalam usaha mengimarahkan lagi masjid. Langkah sebegini perlu menjadi satu tauladan dan contoh, selaras dengan hasrat pemimpin tertinggi perkhidmatan untuk menjadikan anggota TLDM dan ATM yang berketempatan dan berilmiah bukan saja dari segi kerjaya malah cemerlang dalam bidang kerohanian. Syabas buat ketiga-tiga pemenang anugerah ini. S



Pemenang Masjid/Surau Contoh Peringkat ATM - Masjid Thoriq Ibnu Ziad di KD SULTAN ISMAIL, Tg Pengelih.

NOSTALGIA KERETA KOTAK

dorong Yahaya serlah bakat

Oleh : LK RGR Normahaily bt Mohd Nor
Foto : Caw Perhubungan Awam Markas Armada

Sewaktu di zaman kanak-kanak, beliau tidak tahan dengan ejekan kawan-kawan, ditambah dengan keinginan yang meluap-luap untuk mempunyai permainan sendiri, dia nekad mengumpul kotak-kotak kosong dan kertas terbang untuk dijadikan sebuah kereta. Dia akur dengan keadaan keluarganya yang susah ketika itu, lagipun apalah yang mampu dia miliki di zaman kanak-kanaknya sekitar tahun 60-an.

Namun, bagi **BK TMK Yahaya bin Abdullah**, 44, nostalgia masa kecilnya itulah yang membawa kemanisan dalam hidupnya kini. Bakat yang terserlah tanpa diduga itu kini dijadikan hobi di masa lapang. Kewujudan replika pelbagai jenis kapal perang di bahagian ruang tamu rumahnya memberi gambaran bahawa insan ini sungguh istimewa.

Siapa sangka replika kapal yang dibina Yahaya diperbuat daripada bahan terbang? Kehalusan senibinanya yang unik menolak tanggapan ianya terhasil dari sumber yang tidak bernilai. Melihat pada kemahiran dimiliki Yahaya, tidak keterlaluan dikatakan insan ini bukan calang-calang. Masakan tidak, sesiapa pun mungkin tidak akan terfikir untuk melakukan sesuatu yang di luar pemikiran normal sepertimana dilakukan insan kreatif ini.

"Pernah satu ketika orang menganggap saya gila. Apa tidaknya, saya suka mengutip kertas-kertas terbang dan kotak-kotak kosong untuk dijadikan bahan binaan kapal.

"Malah sudah menjadi satu hobi pula apabila terjumpa kertas atau

kotak kosong, saya tak fikir panjang terus bawa balik," katanya tersenyum.

"Selain mudah diperolehi, bahan tersebut juga senang dibentuk. Contohnya ini..." kata Yahaya sambil menunjukkan sebuah model kapal yang baru siap dibina.

Bermula dengan 'suka-suka' untuk mengisi masa lapang, kini kerja tangan yang memerlukan sentuhan penuh teliti dan berseni seolah-olah sudah sebatih dalam dirinya. Lagi pula, isterinya Puan Rahmah Hassan, 38, mempunyai minat sama dan rajin membantu.

Yahaya berkata, ilham untuk menghasilkan barangan berupa perhiasan berkenaan timbul selepas anak kecilnya meminta dia membuat bot dari kertas. Melayani permintaan anaknya itu, Yahaya bukan sekadar membuat bot, malah turut membuat beberapa model lain yang difikirkan boleh mengembirakan hati anaknya itu.

"Kebetulan ketika itu saya di KD LAKSAMANA TAN PUSMAH. Kapal pula selalu belayar," katanya.

Menurut Yahaya, dia diselubungi kebosanan ketika dalam



Yahaya bersama model-model kebanggaannya.

pelayaran. Katanya, ketika itu tiada apa yang boleh dilakukan melainkan menjalankan tugas rutin.

"Mujur kemahiran membuat binaan masih boleh saya praktikkan sehingga timbul keinginan untuk menghasilkan barangan perhiasan. Untuk membuat binaan tersebut, apa sahaja yang saya nampak terdapat di kapal, sayaabadikan pada model kapal yang saya bina.

"Saya tak menafikan bahawa bakat yang ada pada diri saya

sekarang ini datang dari arwah bapa saya, Abdullah Haji Sahid.

"Arwah di masa hayatnya merupakan pembuat bubu yang mahir di kampung kami, Batu Pahat, Johor, sehingga mampu membuka perniagaan sendiri. Namun, sejak arwah meninggal tiada siapa lagi yang boleh menyambung tradisi tersebut kecuali saya, anaknya."

"Selain itu, kemahiran tersebut turut saya kembangkan semasa saya bekerja di Singapura sebagai sub-kontraktor binaan sebelum memasuki TLDM. Sejak itu seni pertukangan kayu sudah sebatik dalam diri saya."

"Sebenarnya saya memulakan proses pembuatan tanpa membuat lakaran di atas kertas atau membuat ukuran terlebih dahulu sebaliknya menggunakan imaginasi daripada apa yang saya lihat sepanjang tempoh saya berada di kapal," ceritanya panjang lebar.

Bagaimanapun, menurut Yahya, bukan mudah untuk dia menghasilkan barangan berkenaan

kerana ia perlu dilakukan dengan teliti dan penuh kesabaran.

Katanya lagi, replika kapal mampu disiapkan dalam masa 20 hari, bergantung kepada saiz. Semakin kecil saiz model tersebut, ia semakin rumit dan memakan masa agak panjang.

"Saya seronok menghasilkan barangan perhiasan bagi mengisi masa terluang. Saya tidak menjadikan ia sebagai fokus utama kerana saya masih di dalam perkhidmatan."

Namun demikian, Yahya yang pada ketika ini merupakan anggota tumpangan unit KD MALAYA akan bersara dari perkhidmatan TLDM yang diceburinya sejak 21 tahun lalu.

Menghabiskan sisa-sisa perkhidmatannya itu, Yahya mengambil keputusan untuk mengadaptasi kemahiran yang ada bagi menyimpan pengalaman dirinya sendiri sepanjang berkhidmat di dalam TLDM kerana apabila dihitung congak, usia perkhidmatannya lebih banyak di-

habiskan di atas kapal.

Melihat pada aneka rekaan replika yang memenuhi ruang tamu rumah, jelas menceritakan bahawa Yahya sudah mampu 'memperdagangkan' hasil kreativitiya kepada orang ramai yang sudah dapat meng'hidu' bakatnya kini.

"Baru-baru ini KD SRI SEMPORNA ada menempah sebuah model kapal KD KASTURI untuk dihadihkan kepada Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Sabah dengan harga RM200.00."

"Selain itu, Wisma Samudera juga pernah menempah model kapal untuk dihadihkan kepada pegawai-pegawai memerintah yang bertukar keluar."

Menurut bapa kepada 2 anak lelaki ini lagi, dia tidak mahu meletakkan harga yang tinggi pada sesebuah model kerana tujuannya bukan untuk mencari keuntungan tetapi sekadar mengisi masa lapang dan belum berhasrat untuk memasarkannya secara komersil. **S**



Isteri tidak jemu memberi sokongan.



Ensign...Fouled Anchor ...Holystone...

Oleh Li Rabayah Bt Rahmat TLDM

Naval Terms adalah istilah yang diguna dan dipertuturkan dalam tentera laut. Dalam bidang penulisan pula, penggunaan istilah-istilah ini begitu meluas. Ia bertujuan untuk memudahkan lagi pemahaman seseorang tanpa menggunakan perkataan sebenar yang mungkin lebih susah untuk diperjelaskan erti katanya.

Istilah-istilah ini tidak wajar dipinggirkan. Ia sewajarnya dijadikan panduan dan dalam masa yang sama, sebagai pengetahuan kepada warga muda TLDM terutamanya.

Dalam keluaran ini, seiring dengan usaha TLDM memupuk budaya maritim, kami bertujuan untuk berkongsi 10 lagi istilah tentera laut untuk dikongsi bersama para pembaca.



BAMBOOZLE

Pada masa kini, apabila seseorang bertujuan untuk mengenakan kawannya secara sendaan, ia dipanggil *bamboozle*. Pada zaman dahulu, maksudnya

adalah jauh berbeza sama sekali. Istilah bahan gurauan ini digunakan untuk menipu atau mengelirukan sesebuah kapal lain daripada mengenali kapal tersebut atau negara kapal itu berasal dengan mengibarkan sebarang jenis ensign lain. Amalan ini sering dilakukan oleh lanun-lanun pada masa itu.



DUNGAREES

Dungarees adalah sejenis kain yang digunakan oleh laskar kapal yang lazimnya dari kelas bawah-an untuk membuat khemah dan kain layar kapal. Pada masa dahulu, adalah menjadi amalan biasa kepada laskar untuk membuat pakaian kerja dan tempat tidur mereka (*hammock*) dari kain layar yang telah usang. Amalan ini amat digemari dan membawa manfaat kepada mereka walaupun ia tidak mempunyai jahitan yang kemas serta berwarna biru (mengikut warna asal kebanyakan layar). Sehubungan itu, adalah menjadi perkara biasa kepada nakhoda kapal British dan Amerika satu ketika dahulu untuk melaporkan kehilangan kain layar kapal selepas selesai sebarang pertempuran agar warga kapalnya dapat membuat atau membaiki pakaian serta tempat tidur (*hammock*) mereka.

ENSIGN

Ensign adalah nama (gelaran) yang diberikan kepada pegawai termuda dalam tentera laut dan

amalan ini digunakan sejak sekian lama apabila seorang *Lord British* menganugerahkan ensign ini kepada wakil termuda beliau untuk digunakan di mana-mana medan peperangan.



Selalunya, panggilan *ensign* ini akan terus kekal kepada pegawai muda tersebut. Pada masa ini, *ensign* digunakan

oleh tentera darat dan tentera laut Amerika untuk diberikan kepada pegawai bertauliah yang paling muda, sama seperti zaman dahulu. Ia bertujuan bagi memberi semangat dan melatih pegawai muda tersebut untuk menjadi seorang pemimpin yang berkaliber dalam mengharungi pelbagai pertempuran kelak.

SUIT



Suit dahulu kala bermaksud kelengkapan (*outfit*) layar yang digunakan oleh sesebuah kapal. Istilah ini telah digunakan sejak sekian lama dan penggunaannya telah muncul kembali selepas Perang Dunia ke-2. Kini, senarai kelengkapan elektronik dan senjata bagi sesebuah kapal tentera laut dikenali sebagai



"*electronic suit*" dan "*weapon suit*". Namun demikian, ia seringkali disalah eja sebagai "*suite*".

CHEWING THE FAT



Satu ketika dahulu, daging salai merupakan makanan utama di kapal-kapal layar kerana ia boleh disimpan untuk tempoh masa yang lama. Pada zaman tersebut, tiada sebarang kemudahan peti sejuk dan kaedah ini adalah yang terbaik. Namun demikian, laskar selalunya terpaksa mengunyah daging tersebut selama berjam-jam lamanya, sama seperti memakan gula-gula getah. Justeru, amalan ini dikenali sebagai "*Chewing the fat*".



FOULED ANCHOR

Fouled Anchor bermaksud tali atau rantai yang meliliti sauh. Ia merupakan lambang yang dikenakan pada leher pakaian seragam oleh kebanyakan semua tentera laut di dunia. Istilah ini berasal dari tentera laut British sejak 500 tahun yang lalu. Ia bermula sebagai lambang mohor Lord High Admiral Charles Lord Howard pada lewat era tahun 1500. *Fouled Anchor* adalah lambang mohor tradisi dalam *British Coat of Arm* dan ia kekal sebagai hiasan lambang sehingga ke hari ini.

kenakan pada leher pakaian seragam oleh kebanyakan semua tentera laut di dunia. Istilah ini berasal dari tentera laut British sejak 500 tahun yang lalu. Ia bermula sebagai lambang mohor Lord High Admiral Charles Lord Howard pada lewat era tahun 1500. *Fouled Anchor* adalah lambang mohor tradisi dalam *British Coat of Arm* dan ia kekal sebagai hiasan lambang sehingga ke hari ini.

HOLYSTONE



Pada zaman dahulu, ketika kapal masih diperbuat daripada kayu, seluruh permukaan kapal kayu ini perlu dibersihkan dengan menggunakan batu pasir. Batu tersebut telah mendapat jolokan *holystone* kerana laskar perlu membersihkan dek kapal dalam posisi *melutut* semasa menggunakan batu ini. Ia seolah-olah seperti melutut kepada batu tersebut, yang seakan-akan ada sesuatu yang "*holy*" padanya!



DOWN THE HATCH

Istilah ini merupakan ungkapan biasa yang digunakan oleh warga kapal pada mula awal kurun ke-20 sewaktu mereka sedang minum bersama. Ungkapan ini berasal daripada perbuatan menurunkan kargo ke dalam kapal melalui *hac* oleh pedagang laut.

SKYLARK



Apabila seseorang itu sedang

skylarking, ia bermaksud sedang membuang masa dan tidak memberikan perhatian atau sedang bermain-main ketika menjalankan tugas. Istilah ini berasal dari Tentera Laut British semasa zaman kapal layar di mana aksi para kelas yang suka memanjat *skysail* dan meluncur dari atas layar ke bawah untuk tujuan bersuka-ria sesama mereka.

SICK BAY



Istilah ini merupakan sebuah ungkapan yang berasal daripada Admiral Horatio Nelson yang mana beliau dikenali sebagai seorang yang paling banyak mencipta adat-istiadat dan istilah tentera laut bagi Tentera Laut British. Pada tahun 1798, beliau telah mengarahkan Armada Mediteranean memanggil tempat perubatan mereka sebagai *sick berth* yang lazimnya terletak di haluan kapal. Pada masa itu, apabila haluan kapal berbentuk separa bulatan digunakan, ia seakan menyerupai sebuah teluk (dalam bahasa Inggeris bermaksud "*bay*"). Sehubungan itu pada tahun 1813, Tentera Laut British telah mula menggunakan istilah *sick bay* bagi merujuk kepada tempat perubatan di kapal. S



Denggi...Pembunuh

(Bahagian 2)

Oleh : Mej (Dr) Md Yuzaidy Dato' Md Yusof
Peg Memerintah RSAT KEMANTAN

Apakah penyelidikan yang perlu untuk pesakit denggi?

Kekerapan penyelidikan darah yang dilakukan adalah bergantung kepada ketepatan penyakit. Pada umumnya sesiapa pun termasuklah kanak-kanak yang telah demam lebih daripada 2 hari perlulah ke RSAT, PPAT atau mana-mana hospital bagi menjalani ujian darah. Kepada semua pesakit, sekurang-kurangnya *full blood count* terutama *hematokrit*, *hemoglobin* dan *platelet* dan denggi IgM serologi mesti dibuat. *Thrombositopen* & *hemokonsentrasi* kerap berlaku. *Hematokrit* yang terus meningkat menunjukkan kebocoran plasma berlaku dan jika didapati begitu, pemeriksaan darah untuk *hematokrit* dan bilangan *platelet* mesti diulangi 3 - 4 kali sehari. Biasanya bilangan sel darah putih didapati rendah.

Dalam kes yang tenat, pemeriksaan enzim hati dan fungsi hati seperti *prothrombin time* (PT), *partial thromboplastin time* (PTT), dan *albumin* mesti dibuat. *BUSE* dan darah untuk penyerasian silang (*cross match*) juga di buat.

Apakah rawatan yang ada untuk pesakit denggi?

Sehingga kini tiada rawatan tertentu untuk demam denggi. Kes-kes perlulah dirujuk ke hospital sekiranya paras *platelet* menurun. Pesakit demam denggi dan denggi berdarah gred 1 & 2 yang mempunyai hidrasi yang mencukupi dan boleh minum air digalakkan supaya mereka terus minum air. Bagi pesakit yang tidak boleh minum, pemberian

cecair diberi melalui terapi intravena seperti *Normal Saline* dan *Dextrose 5% 0.45% saline* untuk hidrasi. Pemerhatian tanda-tanda tersebut mesti dijalankan ke atas pesakit-pesakit ini setelah suhu badan turun selama 2 hari.

Pesakit yang berada dalam keadaan denggi *shock* mesti diberi cecair melalui terapi intravena dengan cepat. 0.9% *sodium* / *Ringer's lactate* atau *Hemaccel* jika ada, mesti diberi dengan secepat mungkin pada kadar 20 ml/kg. Pemberian air hendaklah diberi dengan cepat sehingga peredaran darah di bahagian kaki dan tangan menjadi pulih dan nadi menjadi kuat, keputihan kapilari seperti biasa dan kesejukan mula hilang. Setelah itu, pemberian cecair boleh diteruskan pada kadar

yang mencukupi berdasarkan umur pesakit. Semua catatan mengenai masuk-keluar cecair mesti dibuat dengan teliti. Pada hari pertama dan kedua, biasanya imbangan air akan mula positif.

Jika pendarahan berlaku, pesakit mungkin memerlukan pemindahan darah atau *Fresh Frozen Plasma* (FFP) untuk menolong proses pembekuan darah.

Untuk pesakit-pesakit gred 3 & 4, pemerhatian pernafasan mesti dijalankan berikutan efusi *pleura* dan asites akan menyebabkan kesesakan pernafasan. Oksigen harus diberi kepada semua pesakit denggi *shock*.

Tempoh pesakit memerlukan



Rawatan awal perlu untuk memantau keadaan dari menjadi lebih kritikal.



Aktiviti membersihkan kawasan dapat menghindarkan pembiakan nyamuk.



Penyemburan ubat nyamuk (fogging) perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

kan terapi *intravena* adalah singkat, tidak melebihi 2 hingga 3 hari. Setelah masa ini, kebocoran plasma dari luar sistem peredaran akan kembali semula dan ini boleh mengakibatkan hidrasi berlebihan jika pemberian air diteruskan. Jumlah air kencing akan bertambah dan pada masa ini, pemberian cecair *intravena* harus dihentikan supaya mengelakkan masalah hidrasi berlebihan dan *edema pulmonari*.

Apakah sebabnya notifikasi penyakit denggi penting?

Notifikasi hendaklah dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan, Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Majlis Perbandaran, Dewan Bandaraya dan Unit Lokasi Tentera supaya tindakan pencegahan dapat diambil. Ia juga bakal melibatkan pemeriksa-

Pencegahan

Langkah-langkah pencegahan merupakan langkah yang paling efektif dalam mengawal merebaknya denggi. Tanggungjawab ini terletak kepada individu masing-masing dengan dibantu oleh pihak pentadbiran semasa dan kakitangan perubatan. Contohnya di Pangkalan TLDM Lumut, sebuah '*anti-mosquito team*' telah ditubuhkan pada tahun 2004 dan hasilnya adalah penurunan kes denggi dapat dikurangkan sehingga 70 peratus. Tim lawatan dari rumah ke rumah dan premis-premis perlu dilakukan di samping mengenakan tindakan/kompaun kepada pihak yang terdapat jentik-jentik *Aedes* di kawasan mereka. **S**

NORMAHAILY BINTI MOHD NOR
5500341 PW II PRL
Pegawai Waren Tadbir
Sel Perhubungan Awam TLDM
Markas Tentera Laut

Langkah-langkah yang boleh diambil oleh warga ATM :

✓ Penggantian air di dalam tempat takungan seperti pasu, tempayan, kolam mandi, pasu bunga pada tiap-tiap minggu.

✓ Tutup semua bekas menyimpan air termasuklah baldi dan tempayan di dalam tandas.

✓ Bekas-bekas yang boleh menampung air yang tidak digunakan (tin dan plastik kosong serta tayar buruk) hendaklah dibuang ke dalam tong sampah atau ditanam.

✓ Baldi yang mengandungi air untuk merendam pakaian perlu dikosongkan segera.

✓ Periksa saluran bumbung rumah (gutter) seminggu sekali untuk membersihkan daun atau sampah sarap yang menyekat pengaliran air.

✓ Gunakan '*Abate*' (boleh diminum) ke dalam tempat takungan air 3 bulan sekali.

✓ Kerap melakukan gotong-royong berjadual di kawasan perumahan bagi membasmi tempat pembiakan jentik-jentik.

✓ Tutup tingkap dan pintu pada waktu senja serta menggunakan ubat/repelen nyamuk samada dalam bentuk *aerosol* ataupun elektrik.

'FRUIT CARVING'

Dekorasi Buah Sentuhan Ala Thai

Oleh : LK RGR Normahaily bt Mohd Nor
Foto : Caw Perhubungan Awam Markas Armada



Antara gubahan menarik yang dihasilkan.

Galley SAMUDERA kali ini memaparkan sedikit kelainan untuk tatapan para pembaca. Tidak perlu berbelanja besar, pencetus selera keluaran ini pastinya membuat anda teruja. Kali ini dekorasi buah-buahan digarap dengan kreatif oleh petugas Wisma Samudera Pangkalan TLDM Lumut sebagai peneman dan penaik seri makanan yang disaji.

'Fruit Carving' pastinya asing bagi anda yang belum pernah melihat ukiran menarik ini, namun tidak bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang masakan. Idea melahirkan Kae-Sa-Luk atau 'Fruit Carving' sebenarnya teretus dari negara Thailand kira-kira 700 tahun lalu. Ketika itu tidak ramai yang dilatih mempelajari teknik ini. Namun, sejarah menceritakan bahawa Pam Maneeratana diakui satu-satunya wanita yang berjaya menguasai seni 'kulinari' ini ketika itu. Kini seni itu diadaptasi tukang masak di negara ini dan menjadikannya sebahagian hasil seni yang mampu mengangkat nama negara di mata dunia.

Biasanya, buah-buahan yang sering dijadikan pilihan untuk diukir adalah oren,

tembakai, nanas, epal, betik, tembikai susu, kiwi, pisang dan sebagainya. Setiap buah mempunyai karektor tersendiri. Jadikan ia sebagai aset utama untuk anda mendapatkan hasil ukiran yang menarik dan cantik. Antara perkara penting yang perlu diteliti sebelum memulakan proses mengukir ialah melihat kepada faktor luaran buah. Formula untuk menghasilkan dekorasi buah yang indah dan bervariasi pula bukan satu kerja mudah, tidak semua antara kita tahu seni mengukir ini. Jika silap gayanya, bukan menambahkan cantik buah yang diukir, tapi memburukkan lagi sajian sedia ada. Bagi Laskar Kanan Muhamad Nasir Jemikan, 34 tahun, pengalaman mengikuti kursus selama satu setengah tahun di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan di Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) selama satu tahun 6 bulan, banyak membuka ruang baginya mempelajari lebih banyak tentang pembikinan 'Fruit Carving'.

"Sebelum memasuki TLDM, saya tidak tahu apa-apa mengenai 'Fruit Carving'. Tak pernah tengok pun. Tapi bila dah join dan diserapkan pula ke cawangan tukang masak, macam-

macam saya belajar termasuk ini," katanya sambil menunjukkan ukiran tembikai yang baru sahaja menampakkan kelopak pertama.

"Sebelum dihantar berkursus, saya terpegun juga melihat ukiran buah-buahan yang dipamerkan. Halusnya ukiran mereka. Tentunya memakan masa yang lama untuk menyiapkan sebiji buah."

"Apabila saya berpeluang mempelajari bidang ini, baru saya tahu ia memerlukan kreativiti. Untuk mengukir sebiji buah betik misalnya, memakan masa setengah jam, bergantung kepada bagaimana kreatifnya ia dibentuk," katanya lagi.

Menurutnya, ketika mengikuti projek kapal *Frigate* di Glassgow 5 tahun lalu, beliau telah dijemput untuk mengajar tukang masak di sana cara-cara membuat 'Fruit Carving'. "Mereka tertarik dengan ukiran buah-buahan kita. Bukan mereka tidak pandai, tapi hasil tangan kita lebih halus, unik."

"Saya terharu kerana orang luar menghargai hasil tangan orang kita. Selama seminggu mencurahkan ilmu mengukir kepada tukang masak di sana, saya lihat mereka benar-benar kagum dengan skill yang saya tunjukkan," katanya lagi. Selesai mengukir beberapa

'Fruit Carving' pastinya asing bagi anda yang belum pernah melihat ukiran menarik ini, namun tidak bagi mereka yang berkecimpung dalam bidang masakan. Idea melahirkan Kae-Sa-Luk atau 'Fruit Carving' sebenarnya teretus dari negara Thailand kira-kira 700 tahun lalu.



kuntum bunga ros, jarinya tangkas pula membuat alur daun di bahagian tepi buah, menambahkan lagi seri ukiran tersebut. Nasir dilihat tekun melorek-lorek perut tembikai. Nyata kerja tangannya begitu halus.

"Kerja mengukir ni memerlukan kesabaran dan mesti teliti. Kalau cepat bosan semuanya takkan menjadi," tambah Laskar Kelas Dua Mohd Razif Jaafar, 21 tahun.

Dia yang pernah mengikuti kursus Skim Diploma di Institut Tun Abdul Razak (ITTAR), Petaling Jaya selama 9 bulan juga sependapat dengan Nasir.

Menurutnya, bukannya mudah hendak membuat ukiran pada buah-buahan, lebih-lebih lagi jika buah yang hendak diukir itu berkulit keras, memang sukar hendak dibentuk.

Menurutnya, ketika baru berjinak-jinak membuat 'Fruit Carving', dia pernah meng-

ambil sebiji tomato dari Rumah Masak.

"Saya tengok mereka buat, saya jadi geram dan teringin mencuba. Saya berusaha sampai dapat," ujarnya.

Katanya, berkat ketekunan dan kesabaran mempelajari selok-belok mengukir buah, akhirnya dia mampu menguasai teknik yang betul dan sehingga kini, dia sudah boleh berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan mereka yang lebih senior dalam bidang itu.

Malah katanya, dia sering terlibat dengan beberapa acara besar sama ada di peringkat jabatan mahupun kementerian yang memerlukan ia mengaplikasikan bakatnya itu.

"Saya bangga. Kini saya dapat membuktikan bahawa tukang masak bukanlah kerjaya lekeh. Banyak perkara boleh kita pelajari dalam bidang ini, bukan hanya di ceruk dapur."

"Di luar sana orang berlumba-lumba hendak menjadi tukang masak sebab kerjaya ini memberi pulangan yang agak lumayan tapi orang kita memandang tukang masak *low class*," ujarnya.

"Bagi saya, kerjaya tukang masak boleh pergi jauh, bukan setakat di dalam perkhidmatan sahaja, seni 'Fruit Carving' sebagai contoh, kini di mana-mana majlis keramaian tidak lengkap tanpa ukiran buah-buahan yang dijadikan sebagai hiasan meja, hidangan mempelai dan sebagainya," tambah Razif lagi. Melihat keadaan itu katanya, dia berusaha untuk membuang tanggapan kurang enak orang ramai terhadap kerjaya itu. Pendapat Razif turut disokong Laskar Kelas Satu Nazaliza Amari, 29 tahun, yang merupakan salah seorang tenaga penting dalam tugas-tugas persiapan majlis keramaian terutama yang melibatkan tetamu kenamaan."

"Memang benar. Orang ramai melihat tugas tukang masak sebagai satu tugas mudah. Mereka tidak nampak betapa kami mengharungi seribu satu macam kepayahan untuk memuaskan hati semua pihak."

Namun, bagi anak kelahiran Selama, Perak ini, sejak diserapkan ke cawangan tukang masak (Bendari), dia berazam untuk mempelajari semua kursus yang ditawarkan. "Saya pernah mengikuti kursus dalam bidang ini di UiTM Shah Alam selama 3 minggu. Selain itu, pernah memasuki pertandingan 'Kulinari' atau 'Fruit Carving' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) mewakili TLDM."

Melihat akan kehalusan hasil ukirannya, nyata ibu kepada 2 anak ini sudah mampu membawa seni 'Fruit Carving' ke tahap yang lebih tinggi sekaligus mengangkat martabat tukang masak di mata umum. S



LK BDI Muhamad Nasir bin Jemikan



LK II BDI Mohd Razif bin Jaafar



LK I BDI Nazaliza bi Amari



Perasmian Butik & Laman Web TLDM



Meriah... Antara yang hadir di pameran Butik TLDM,



Bekas Panglima Tentera Laut sempat meluangkan masa melayari laman web TLDM.

Pasukan Tatu Kawad Senyap PKBM (Laut) Sek. Men. Keb. Alma, Bukit Mertajam



Bergambar kenangan selesai pertunjukan di Penang International Sport Arena.



Segak dan bergaya... Pasukan Kawad Senyap SMKA berjalan masuk ke stadium memulakan persembahan.

Seminar Peperangan TLDM 5/05



Ucapan pembukaan sempena perasmian seminar oleh Panglima Tentera Laut, YBhg Laksamana Datuk Ilyas bin Haji Din.



Peserta sedang meneliti kertas kerja yang akan dibentangkan.

Upacara Serah Terima Tugas PTL & TPTL



Serah Tugas Panglima Tentera Laut disaksikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan.



Peralihan tampuk kepimpinan Timbalan Panglima Tentera Laut.

Eksesais NAGA EMAS Siri 45/05



Pendaratan anggota Pasukan Khas Laut (PASKAL) dari Pesawat NURI ke kapal dagang MV BUNGA KELANA 8.



Bersiap-sedia menggempur musuh, aksi tangkas anggota PASKAL.

Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda



Berkongsi kegembiraan bersama keluarga tersayang atas anugerah yang diterima.



Bakal perajurit negara di hari kemuncak selesai menjalani latihan di KD SULTAN ISMAIL.

Pasukan Projek Angkatan Kapal Selam TLDM Di Cherbourg, Perancis



Bergambar kenangan di hadapan kapal selam...Pegawai dan Rombongan Diraja Pemangku Raja Perlis.



Segak, kemas dan penuh gaya. Pasukan Projek Kapal Selam TLDM.

Lawatan SPB Yang Dipertuan Agong Ke Pangkalan TLDM Lumut



Keberangkatan tiba SPB Yang Dipertuan Agong berserta rombongan.



'Poco-Poco' anggota BAKAT Laut Lumut bersama SPB Raja Permaisuri Agong.

Perasmian KD DUYONG



Penyerahan cenderahati berupa 'Diver's Knife' oleh Pegawai Memerintah KD DUYONG, Kept Abdul Ghani bin Othman TLDM kepada bekas Panglima Tentera Laut.



Di antara warga KD DUYONG....bergambar kenangan di dasar kolam.

Sekitar Kejohanan Bola Sepak Piala Zain 2005



Hebat dan sengit... Aksi hebat para pemain di stadium bola sepak Pangkalan TLDM Lunut.



Juara Piala Zain 2005 - PASKAL bergambar kenangan bersama piala yang dimenangi.

Aktiviti Sekitar Perasmian KD SRI SEMPORNA



Sedia berkorban demi kedaulatan negara. Ikrar taat setia dari anggota PASKAL.



Cekap dan trampil... Persembahan menarik Pasukan Kawad Senyap TLDM.

Penyerahan Cek Kepada Waris Mangsa Kemalangan



Kunjungan kebajikan dari wakil Markas Tentera Laut ke atas keluarga mangsa.



Penyerahan cek oleh Lt Kdr Wan Mat TLDM kepada balu Allahyarham Muhamad Zairul Nizam bin Ismail.

“Kita Pemilik Sementara Dia Pemilik Abadi”

Oleh: Lt Abdul Jabbar Bin Yusof (KAGAT)

Foto : Caw Perhubungan Awam MTL

Ramli tidak dapat mengambil pen yang berada di poket Saad tanpa terlebih dahulu meminta izin kerana pen itu dimiliki oleh Saad. Saad adalah tuan empunya pen. Tetapi Allah S.W.T dapat mengambil orang yang kita miliki dan sayangi seperti ibu, bapa atau pun anak kita tanpa perlu meminta izin atau memberitahu terlebih dahulu. Kenapa? Jawapannya adalah kerana ibu, bapa serta anak yang kita miliki adalah kepunyaan tuhan.

Tuhan dapat mengambil penglihatan, pendengaran serta keupayaan kita tanpa terlebih dahulu memberitahu atau meminta izin dari sesiapa. Allah S.W.T tuan punya jiwa dan raga kita. Semua yang ada pada kita merupakan kepunyaan tuhan. Bumi dan segala isinya adalah harta tuhan. Seluruh alam adalah harta kepunyaan tuhan dan ianya merupakan tanda kewujudan tuhan.

Kita perlu memahami bahawa apabila Allah ingin mengambil atau mendatangkan sesuatu, didatangkan tanda atau alamat. Selalunya kita tidak sedar serta tidak faham makna tanda atau pun alamat yang

diberikan. Seperti juga kita tidak berupaya untuk mengenal Allah melalui penciptaanNya. Contohnya, beberapa hari sebelum berlaku Tsunami, Allah S.W.T mendatangkan ikan yang banyak terdampar di pantai serta nelayan mendapat tangkapan ikan yang luar biasa berbanding hari biasa. Rupa-rupanya itu merupakan tanda yang diberikan oleh Allah S.W.T untuk ia mendatangkan Tsunami yang membaham ganas mengakibatkan ratusan ribu nyawa telah terkorban.

Satu perkara yang perlu difahami dan diingati ialah segala yang kita miliki seperti anak, isteri, wang ringgit, tanah dan rumah

semuanya merupakan anugerah Allah yang bersifat sementara. Bahkan kekuasaan, pangkat serta kedudukan yang dimiliki merupakan anugerah sementara yang perlu diketahui sebab pemberian tersebut. Antara sebab dikurniakan nikmat yang disebutkan tadi ialah untuk Allah menguji siapakah hambaNya yang bertakwa atau sebaliknya. Justeru, dikurniakan anugerah tersebut adalah samada untuk diberi nikmat atau diazab hamba tersebut.

Kewujudan kita di atas muka bumi ini bertindak sebagai pemegang amanah harta tuhan bukan tuan punya harta. Tuhan mengamanahkan tubuh badan, jiwa raga, pancaindera, hati, perasaan dan akal fikiran bukan untuk diabaikan atau disalahgunakan.

Lantaran itu hendaklah kita mengetahui bahawa apa yang dimiliki merupakan hak milik sementara sahaja. Tunaikanlah hak kepada empunya hak dengan banyak melakukan sedekah serta amal jariah. Jadikan harta yang dimiliki merupakan alat untuk kita saling membantu orang lain. Biarlah apa yang dimiliki boleh memberi manfaat untuk diri sendiri serta orang lain. Jauhkanlah diri kita dari sifat-sifat yang dikeji seperti yang disebutkan oleh bidalan melayu seperti Tangkai Jering, Haji Bakhil, Berat Tulang, Hati Busuk dan sebagainya. **S**



Tragedi Tsunami... Suatu ujian kepada makhlukNya..

DESTINASI

Hari ini
Terus mara
Camar melambai
Alunan ombak dibelah
Destinasi hanya satu
Rantau yang harus dipertahankan

Ini laut kami! Hak kami!
Jangan dipertikai
Jika perlu titisan merah jadi
taruhan
Itu bukti luhur kami!
Buatmu Malaysia

Lalu
Tatkala reda kehangatan
Destinasi bertukar arah
Perut bahtera perlu diisi

Rantau pasrah ditinggalkan
Walau mengharap perhatian

Pagi ini
Nun di sana
Tampak gah destinasi kami
Tentunya hati berbisik merayu
'Jangan Lupa Agamamu'
'Jangan Lupa asalmu'
Kerana di sini ada yang perlu
diperangi

Syukur.....
Telah kami tentang nusa ini

Jernih air mengalir
Bak dibelai pupukan bayi
Elokkan anak Seridang seolati parrak
Redha mengiringi kepergian kami

Destinasi terakhir ini
Menjadi penantian
Igauan seisi bahtera
Kerana di sana yang menunggu
Mengharap belaian dengan iringan
doa
Tabah mereka....
Itu juga perjuangan

Ku akui
Takkan murni perjuangan tanpa
Pengorbanan

Rantauku
Kepadamu kubisikkan
Dikau pasti destinasi kami lagi

Aku,
3164 AZZA a.e.

GELORA JIWA WIRA

Kepekatan malam, terasa
amat sepi
Mimpi tiada bertandang lagi
Lantas ku gapai, pena mata
bola setia
Aku coretkan....

Alin isteriku....
Betapa indahnya maya
persada ini
Tiada terdaya ku ungkapkan
Pada sajak lagu atau bunga
Andai kehadiranmu disisi
Dengan alunan merdu bicara
unggas malam
Kita imbas kembali
Babak romantik dan sakti
Hingga terbinanya mahligai
suci yang sejati

Ahh....
Aku dibuai gelora jiwa yang
buta
Gelora fantasi yang misteri
Sumpah wira tetap dimahkota
kepuncak cemara
Biar ombak tsunami
menghempas ngeri
Walau mengunung ledakan
meriam

Jiwaku ini adalah negara
Ragaku adalah bangsa
Sedia berkorban jadi pedomani
Dalam bergurau bersama
angin
Berlumba bersamanya mega

Nukilan :
CPORM KUNSL EMBUYANG

ANDAI WAKTU

Sayang...maafkan diriku
Andai takdir mengizinkan aku
mengundurkan waktu
Akan ku kutip sisa kenangan
yang telah ku lempar jauh
Di mana diriku...ke mana
haluan hidupku
Di mana tanggungjawabku
terhadap diri, ibu bapa dan
agama
Aku tersasar jauh.

Sayang...
Andai aku bisa mengundurkan
waktu
Akan ku insafi kezaliman yang
telah ku lakukan
Ke mana arah tuju ku
Apa bekalanku untuk
kemudian hari.

Sayang...
Aku kini berdiri atas
penyesalan lalu
Berjanji pada Tuhan, berikrar
pada diri
Diiringi kata azimat mu
Jangan ada penyesalan di
kemudian hari.

Nukilan,
Kerapu Bara - Sireh

HIDUP INI

HIDUP INI indah bagai taman
penuh jelmaannya
HIDUP INI gelap bagaikan
alam cakerawala
Suka duka ada penawar dan
racunnya
Keenakannya tak dapat
dikecap
Keperitannya tak dapat
disanggah

HIDUP INI sebuah cerita
HIDUP INI satu lakonan
Mencari kepada kepastian
Mengenali kepada kezahiran
Berputarnya Hidup Ini bagai
diadakan
Pulangannya Hidup Ini andaikan
keraguan

HIDUP INI penuh dogengan
HIDUP INI ada rekaan
Kasihani pada keceriaan
Simpati pada kehancuran
HIDUP INI akan berterusan
HIDUP INI pastikan kedamaian.

Nukilan,
Rieza Isma
DSA 05

Partnership in Action



BAE SYSTEMS

www.baesystems.com